


Jilid III
Bil. 30



Hari Rabu
20hb Oktober 1993

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	[Ruangan 6831]
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	[Ruangan 6869]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993	[Ruangan 6869]
Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993	[Ruangan 6947]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.L., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.CR.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

” Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

” Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., S.S.I., (Pulai).
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S., (Temerloh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N.. (Kepala Batas).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titivangsa).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR. FONG CHAN ONN (Selandar).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)

Yang Berhormat TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- " TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- " DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- " DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- " TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- " DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- " DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- " DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " DR. V. DAVID (Puchong).
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- " DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- " TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- " DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.
(Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P.,
P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong
Tebal).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- " PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- " Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- " TUAN WONG WING ON (Kampar).
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Haji Tajjadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha* : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 20hb. Oktober 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TV MALAYSIA—
MEWUJUDKAN RANGKAIAN
BERITA KHAS

1. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu rangkaian khas televisyen yang mengendalikan berita-berita sahaja, sepertimana yang dibuat oleh Cable News Network (CNN):

- (a) jika ya, adakah rangkaian ini akan dikendalikan oleh Kementerian atau diserahkan kepada pihak swasta;
- (b) bilakah ianya akan diwujudkan, dan berita yang bagaimana yang akan disiarkan di rangkaian ini; dan
- (c) apakah bentuk kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi mengadakan program ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman) Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan pada masa ini tidak mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu rangkaian khas televisyen bagi mengendalikan berita-berita sahaja, sepertimana yang dilakukan oleh CNN. Ini memandangkan bahawa Kerajaan telah meluluskan lesen TV3 kepada pihak swasta dan TV4 pula dijangka akan mula beroperasi pada tahun hadapan.

Selain daripada itu, perancangan juga sudah dibuat untuk mewujudkan perkhidmatan "Subscribers' News Service" (SNS) yang mempunyai 3 saluran penyiaran. Saluran-saluran ini juga mempunyai 'Information/Entertainment' (INFOTEN) di mana berita ehwal semasa juga tidak terpisah dari rangkaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian adalah tidak wajar bagi kita mencontohi mana-mana negara luar dalam melaksanakan projek-projek di negara ini, kerana masyarakat Malaysia mempunyai identiti yang tersendiri dan ciri-ciri yang sukar didapati di negara-negara lain.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan berkenaan dengan TV4 ini. Saya dapat tahu bahawa TV4 ini telah diberi kepada Metropolitan yang mana mereka telah mencuba tidak kurang daripada 4 kali dan hanya kali ini baru dapat 45% di mana saya tahu juga bahawa *Utusan Melayu* dapat 30% dan bakinya 25% akan diperuntukkan kepada 8 syarikat. Apakah alasan-alasan Kerajaan untuk

menentukan ekuiti seumpama ini diberikan kepada mereka. Adakah syarikat-syarikat ini akan dapat bersaing dengan TV3 dan juga dapat memenuhi permintaan-permintaan daripada orang-orang sepertimana yang dikatakan berminat dalam berita-berita?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, asas bagi memberikan TV4 kepada syarikat Metropolitan adalah pada asas tawaran yang tertinggi (the best offer) dan ini dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi negara kita. Yang keduanya, oleh kerana asas itulah, maka Metropolitan dapat award ini.

Mengapa syarikat-syarikat lain juga diberi tawaran untuk menyertai bersama di dalam mewujudkan TV4 ini? Jawapannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana lesen ini merupakan lesen terakhir yang akan diberikan kepada swasta. Oleh itu, kita mahu seberapa ramai yang terlibat dan berminat untuk menyertai dalam syarikat TV4.

Berkenaan dengan sama ada kita boleh memenuhi citarasa rakyat untuk mendapatkan sebanyak-banyak berita, saya rasa sukar bagi saya hendak menjawabnya kerana sebahagian daripada rakyat sekarang sudah jelah dengan mengatakan terlalu banyak berita dan Yang Berhormat dari Ipoh pula mengatakan mungkin masih ada ruangan lagi untuk kita menyiarkan berita. Jadi, kita hanya memberikan kepuasan kepada sebilangan besar rakyat, manakala yang kecil-kecil itu kita kurang ambil kira.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pendapat saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan kata "pendapat"—lah (*Ketawa*) Bertanyalah soalan tambahan.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menambah masa siaran, sebaliknya pihak Kementerian sekarang memberi ruang untuk menambahkan saluran penyiaran, tetapi tidak menambahkan masa siaran. Misalnya, TV1, TV2 dan TV3 dimulakan lebih awal supaya rakyat mendapat maklumat yang lebih banyak. Apakah ini tidak menjadi satu perancangan kepada pihak Kementerian? Begitu juga, apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menambahkan rancangan-rancangan tempatan, misalnya saya masih lagi mendapati tidak ada perubahan dari segi Laporan Parlimen. Laporan Parlimen masih lagi dianggap berada di tahap lama. apakah Kementerian tidak bercadang misalnya mengadakan Laporan Perdana Parlimen seminggu sekali?

Yang kedua, saya juga ingin mengetahui..... Itu sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Suspense, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tunggu juga lagi. (*Ketawa*)

Pertama, berkenaan dengan masa siaran. Memang Kementerian ada rancangan untuk menambahkan masa siaran, tetapi tidak dilanjutkan di waktu malam kerana kita hendak tuju kepada target 70 juta rakyat. Jadi, kita hendak juga orang buat kerja lain, selain daripada tengok TV. (*Ketawa*) Mungkin kita berhentikan siaran

setakat pukul 12.00 atau 12.30 malam. Tetapi masa siaran di sebelah pagi, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, boleh dipertimbangkan untuk diadakan tambahan masa.

Berkenaan dengan rancangan-rancangan tempatan yang dikehendaki diperbaiki, itu akan diambil perhatian oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Harrison Ngau Laing,

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Harrison Ngau Laing tidak hadir.)

**BUDAYA LEPAK/
BUDAYA LIAR/BUDAYA
SUMBANG—TINDAKAN
MEMBANTERAS**

3. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan garis panduan yang jelas mengenai “Budaya Lepak”, “Budaya Liar” dan “Budaya Sumbang”. Apakah langkah yang sedang dan akan diambil untuk membanteras budaya tersebut.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tiada mempunyai garis panduan yang khusus untuk membanteras budaya tersebut. Kementerian sentiasa berusaha mengembang dan membangunkan kebudayaan yang bertujuan mengukuhkan nilai-nilai moral dan rohaniah dan untuk memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan yang seimbang di antara pembangunan sosial ekonomi dan kerohanian.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ialah melalui program-program penggalakan, pendidikan dan bimbingan dengan mengadakan kursus-kursus, seminar, manifestasi latihan, pameran, pertandingan dan sebagainya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan memberitahu sama ada pengwujudan “Budaya Lepak”, “Budaya Liar” dan “Budaya Sumbang” adalah kerana sistem pendidikan kita ataupun sistem yang telah dijalankan oleh Kerajaan menimbulkan beberapa masalah sosio-ekonomi yang menyebabkan budaya-budaya yang tidak murni ini.

Soalan kedua, saya hendak tahu sama ada budaya yang saya sebut tadi itu termasuk politik wang sebagai satu budaya yang baru-baru ini timbul di kalangan masyarakat kita. Adakah kita menganggap ini sebagai satu budaya yang akan merosakkan sistem sosio-ekonomi atau sistem politik kita yang kita amalkan begitu lama.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak sebab yang mendatangkan budaya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh iaitu “Budaya Lepak”, “Budaya Liar” dan “Budaya sumbang”. Antaranya ialah peranan ibu bapa yang tidak begitu menitik-beratkan anak-anak mereka. Ini merupakan sebab yang utama. Jadi, pihak Kerajaan memang memandang berat tentang keadaan ini dan pihak Kerajaan khususnya Kementerian saya akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah ini.

Soalan yang berkaitan dengan politik wang ini memang tidak ada kena-mengena dengan soalan pokok.

**KEMALANGAN JALAN
RAYA—JUMLAH KEMATIAN**

4. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) memandangkan kemalangan jalan raya sering berlaku, berapakah jumlah kemalangan bagi tempoh 1hb. Januari 1993 sehingga akhir bulan September 1993 dan perbandingannya dalam tempoh yang sama pada tahun 1992;
- (b) berapakah jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya pada tempoh di atas dan perbandingannya bagi tempoh tersebut pada tahun 1992;
- (c) apakah langkah yang difikirkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya selain dari usaha-usaha yang dijalankan hari ini; dan
- (d) setakat manakah kempen berkongsi kereta yang dilancarkan baru-baru ini berkesan mengurangkan jumlah kereta di jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku bagi tempoh dari Januari hingga September 1993 ialah sebanyak 99,216 kes dan bagi tempoh yang sama dalam tahun 1992 adalah sebanyak 80,662.
- (b) Jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya bagi tempoh dari Januari hingga

September 1993 adalah seramai 3,216 orang berbanding dengan 3,447 orang bagi tempoh yang sama dalam tahun 1992 iaitu penurunan sebanyak 6.7%.

- (c) Selain daripada usaha-usaha yang lazim diambil bagi mengurangkan kemalangan jalan raya, Kerajaan sentiasa mengkaji, mengemaskini serta menguatkuasakan perundangan dan peraturan lalulintas seperti peraturan mengenai pemanduan di bawah pengaruh minuman memabukkan dan larangan penggunaan telefon pegang semasa memandu.
- (d) Adalah terlalu awal untuk menyatakan secara spesifik mengenai keberkesanan kempen perkongsian kereta. Walau bagaimanapun, daripada maklumat yang diperolehi kempen-kempen ini telah meningkatkan kesedaran seperti yang saya sebutkan kelmarin dalam jawapan-jawapan saya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu banyaknya kemalangan jalan raya dan juga kemalangan maut, adakah Kerajaan sedar di samping kecuaiannya pemandu ianya juga adalah disebabkan oleh pembinaan jalan yang tidak sesuai yang kadang-kadang itu berombak-ombak; dan kadang-kadang jalan-jalan tersebut mempunyai sharp corner ataupun "konar baring". Adakah ini juga menyebabkan kemalangan jalan raya?

Tuan Yang di-Pertua, di Lebuh raya Alor Setar-Sungai Petani jalannya berombak-ombak dan terdapat sudah banyak kereta yang "terpaksa masuk" ke dalam longkang untuk mengelakkan jalan-jalan berombak tersebut.

Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan unit khas iaitu combination di antara JPJ, Polis dan juga Lembaga Pelesenan untuk membanteras orang-orang yang memandu laju ataupun memandu kenderaan dengan tidak mengikut peraturan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebab utama ataupun jumlah besar yang menyebabkan kematian ialah kecuaiian manusia. Tetapi dari segi technical 'engineering'nya ada juga yang menyebabkan kematian. Oleh kerana itulah Kerajaan kita membelanjakan beribu-ribu juta ringgit untuk membaiki jalan-jalan seperti yang dikatakan "konar baring" dan sebagainya dijadikan lebuh raya-lebuh raya supaya jalan itu lebih lurus, lebih selamat. Tetapi kita hendak ingatkan pemandu-pemandu supaya tidak melampaui had-had laju di mana-mana juga di jalan raya-jalan raya. Kerana kalau sudah terlalu laju bila berhadapan dengan sesuatu keadaan yang cemas, yang berhadapan dengan lembukah, kerbaukah kita tidak dapat mengelak dan terpaksa kita berlanggar dan mengakibatkan kemalangan.

Mengenai lebuh raya-lebuh raya yang dikatakan berombak-ombak, sebenarnya mengikut pengalaman saya selama menjadi Wakil Rakyat di Kuala Selangor dan Tanjong Karang, jalan ini jadi berombak-ombak disebabkan tanah jalan itu adalah tanah gambut. Dari masa ke semasa ia terpaksa dibaiki kerana memang ianya jadi berombak-ombak. Kalau tidak hendak berombak, hendak kena gali 12 kaki dalam, ganti tanah lain dan batu baru dia tidak berombak. Jadi, ini terpaksa kita hadapi dari satu masa ke satu masa.

Unit-unit khas yang dikatakan tadi memang penguatkuasaan dijalankan oleh jabatan-jabatan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, pihak Polis, Lembaga Lebuh raya dan juga PLUS untuk mengelakkan atau membanteras supaya pengguna-pengguna jalan raya ini tidak melampaui had laju dan tidak menyalahi peraturan-peraturan lain.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri salah satu faktor yang mana kemalangan jalan raya sering berlaku ialah diakibatkan oleh kecuaiian pemandu kereta. Maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada "point system" masih dilaksanakan oleh pihak Polis. Sebab buat masa ini kita jarang dengar kata "point system" masih wujud; yang mana saya difahamkan apabila pemandu kereta membawa kereta menghadapi satu kemalangan maka point dia akan dikumpul. Selepas beberapa point maka dia tidak layak lagi memandu kereta.

Yang kedua, saya difahamkan juga jalan raya dari Kuala Lumpur ke Genting Highlands kita selalu nampak ada closed circuit camera yang telah dipasangkan di tepi jalan raya. Selain daripada jalan raya ke Genting Highlands, adakah tempat lain yang mana closed circuit camera dipasangkan juga dan sama ada closed circuit camera ini berkesan dalam mengawasi pemandu-pemandu kereta yang memandu kereta tanpa menghiraukan speed limit.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang kita menyedari bahawa sebilangan besar sebab ialah kecuaiian manusia. Tetapi Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan telah pun mengadakan

sistem pemanduan berhemat di mana dalam Kurikulum Sekolah Memandu kita mengajar pemandu-pemandu supaya berhemat—bererti berjaga-jaga supaya boleh mengelakkan diri daripada terlibat dalam kemalangan. Kalau tidak dapat elak langsung pun, sekurang-kurangnya dapat mengelakkan daripada kemalangan yang teruk.

Yang keduanya, mengenai point system KEJARA, ini masih wujud lagi dan masih berjalan, cuma kita tidak hebohkan sahaja, Setakat ini saya tidak ada angka yang terbaru tetapi kita dapati ada juga kepayahan kita untuk menghubungi mereka ini olah kerana mereka bertukar alamat tidak melaporkan dan tidak memberitahu alamat mereka kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepada Jabatan Pengangkutan Jalan.

Mengenai kamera yang berada di tepi-tepi jalan Karak Highway, memang ianya berfungsi dan di situ sahaja setakat ini kita mengadakan kamera. Dalam Satu bulan, tidak kurang daripada 800 yang dapat ditangkap dari segi gambarlah. Kemudian kita dapat analisa dan hubungi mereka untuk tindakan-tindakan selanjutnya. Di tempat-tempat lain belum lagi kita mengadakan kamera itu.

SAHAM KHAS KEPADA SYARIKAT BUMIPUTERA— PEMBAHAGIAN

5. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) berapakah jumlah syarikat bumiputera yang telah diberi peruntukan saham yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan; dan

(b) apakah pertimbangan yang diambilkira untuk membolehkan sesebuah syarikat itu dipilih.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua:

(a) Sejak tahun 1992, Kementerian Kewangan telah mengendalikan pengagihan saham 5 buah syarikat yang melibatkan pembahagian sejumlah kira-kira 344 juta unit saham khas bumiputera dengan jumlah nilai tawaran sebanyak kira-kira RM1.6 bilion. Saham-saham itu telah diagihkan kepada kira-kira 180 buah institusi, 2,600 buah syarikat bumiputera dan Kerajaan-kerajaan Negeri serta agensi-agensinya.

(b) Pengagihan saham-saham khas bumiputera itu biasanya diberi keutamaan kepada agensi-agensi amanah seperti Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis DiRaja Malaysia dan lain-lain koperasi. Ini adalah untuk memastikan bahawa sebilangan besar bumiputera mendapat faedah daripada pengagihan saham tersebut dan ianya berkeupayaan dipegang secara jangka panjang. Baki daripada pengagihan kepada agensi-agensi amanah itu diagihkan pula kepada syarikat-syarikat bumiputera untuk memberi peluang kepada mereka memegang saham dalam syarikat-syarikat awam. Bagi syarikat-syarikat bumiputera, mereka dikehendaki berdaftar dengan Kementerian

Kewangan. syarat-syarat utama pendaftaran ialah syarikat berkenaan hendaklah terdiri daripada syarikat sendirian berhad yang dimiliki 100% oleh bumiputera dan mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM25,000.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tujuan Kerajaan memberi kepada 180 buah syarikat bumiputera ini ialah untuk menambahkan lagi pemegangan corporate equity, dengan izin, bumiputera di dalam negara ini. Saya ingin tahu, di antara 180 buah syarikat yang diagihkan saham sebanyak RM1.6 bilion, berapa buakkah di antara mereka yang melanggar kehendak-kehendak Kerajaan iaitu menjual saham sebelum ianya perlu dijual ataupun menjual saham yang dikatakan saham moratorium itu dan adakah syarikat-syarikat ini terus dilayan lagi di dalam second round?

Soalan yang kedua, adakah pihak Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan membuat kajian berapa buakkah di antara 180 buah ini menggunakan bukan modalnya tetapi mereka menjadi 'front' iaitu menggunakan duit orang lain, tolong beli atas nama mereka dan selepas itu bahagi seorang sedikit. Adakah dibuat kajian tentang hakikat ini kerana ini adalah penting untuk memastikan bahawa investment yang diberi oleh Kerajaan kepada bumiputera itu betul-betul dipatuhi?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, moratorium wajib dipatuhi dan syarikat yang sudahpun mendapat kesempatan untuk menerima tawaran saham diketepikan untuk tawaran saham syarikat yang berikutnya. Kalau dapat dikenal pasti

ada yang melanggar moratorium maka akan diketepikan sebab tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya pihak Kerajaan melalui Bank Negara dan juga Offering House iaitu MCDFFCS telah pun mengenal pasti cara yang agak muktakhir bagaimana hendak mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di mana ada pihak yang menjadi 'front' kepada permohonan, di mana bank draft yang dibayar ditandakan khas untuk pembeli bumiputera, kemudian ditunaikan bank draft itu, dan jika permohonan itu berjaya, maka selesailah jual-belinya. Jika tidak berjaya, akan dibayar balik dalam bentuk cek yang baru kepada pihak pembeli. Maka dengan cara demikian, Kerajaan tidak boleh mendakwa bahawa ianya selesai 100%. Mungkin ada juga cara-cara penyelewengan di antara pihak bukan bumiputera yang menggunakan nama bumiputera. Tetapi kalau Yang Berhormat daripada Padang Terap ada contoh-contoh (samples) antara bumiputera dengan bumiputera menggunakan antara satu dengan yang lain, itu mungkin satu masalah yang berbeza dengan apa yang telah cuba diselesaikan oleh pihak Kementerian.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah cara pengagihan ini dibuat? Adakah satu panel dibentuk untuk memilih syarikat-syarikat bumiputera yang layak, menapis syarikat berkenaan, menentukan yang layak dan tidak layak? Adakah satu panel khas dibuat ataupun kuasanya diberi kepada Menteri atau Timbalan Menteri Kewangan secara mutlak? Sebab, orang buat tohmahan macam-macam, kata hendak dapat ini mesti

naik rakit Menteri Kewangan dahulu. Kalau naik rakit Timbalan Perdana Menteri, tidak dapat dan macam-macam. Apakah caranya dibuat?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah satu yang agak tidak munasabah atau sesuatu yang impossible, dengan izin, untuk pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melaksanakan amanah seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas. Maka sewajarnya Yang Berhormat dari Kok Lanas membuat andaian yang baik. Itu yang dilaksanakan. Yang Berhormat Menteri Kewangan mengamanahkannya pula kepada satu panel di mana disenaraikan syarikat-syarikat yang berdaftar dan panel itu mengundi di hadapan keahlian panel dan itu keputusan untuk diterima atau ditolak. apabila mereka telah terpilih, maka dalam tawaran yang kemudiannya, peluang diberi kepada mereka yang tidak dapat dalam tawaran yang asal tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyebut soalan ini, ingin saya membuat pembedaan. Soalan ini ditujukan kepada Kementerian Pertanian. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

HARGA KOMODITI KOKO, LADA HITAM DAN GETAH— KEJATUHAN

6. **Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab kejatuhan harga komoditi seperti koko, lada

hitam dan getah kebelakangan ini dan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan supaya keadaan tersebut dapat diperbaiki.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab kerana soalan ini menyentuh tentang pasaran. Pasaran di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama.

Harga komoditi koko, lada hitam dan getah di pasaran antarabangsa adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor asas pasaran (market fundamental factors) iaitu keadaan bekalan dan permintaan dunia. Sejak beberapa tahun kebelakangan, bekalan komoditi-komoditi berkenaan di pasaran dunia melebihi permintaan dan penggunaan. Bagi getah asli, trend berlebihan pengeluaran berlanjutan hingga tahun 1993, manakala bagi koko dan lada hitam, pengeluaran dunia dijangka merosot sedikit sebagai tindakbalas daripada harga yang rendah.

Namun demikian, harga pasaran terus menghadapi tekanan daripada stok terkumpul sementara permintaan agak lembab terutamanya dari negara-negara pengguna Barat yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang lemah, di samping keadaan politik dan ekonomi yang tidak stabil di negara-negara Eropah Timur.

Kerajaan sentiasa mengawal perkembangan harga komoditi-komoditi ini dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan harga berada di paras yang munasabah. di antara usaha-usaha dan langkah yang telah dan terus diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan menembusi

pasaran baru melalui aktiviti-aktiviti galakan seperti mengadakan misi-misi ekonomi dan teknikal ke luar negeri dan menyertai seminar-seminar pemasaran dan pameran-pameran perdagangan;

- (ii) menyertai perundingan perdagangan pelbagai hala di bawah GATT dan perbincangan dua hala untuk mengurang atau menghapuskan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif terhadap barangan utama;
- (iii) bekerjasama dengan negara-negara pengeluar dan pengguna dalam perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRO) bagi menstabilkan harga getah dan dengan Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) untuk mengimbangkan permintaan dan pengeluaran getah asli dunia. Malaysia juga telah menganggotai Perikatan Negara-negara Pengeluar-pengeluar Koko (CPA) untuk bersama-sama mencari jalan bagi mengatasi masalah kejatuhan harga yang berlaku pada masa ini termasuk merasionalisasikan pengeluaran koko dunia;
- (iv) memesatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan terhadap komoditi-komoditi tersebut untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran dan memperbaiki mutu serta menambah penggunaan akhir; dan

- (v) berusaha untuk terus menggalakkan pembangunan industri hiliran yang menggunakan komoditi getah dan koko bagi menambah nilai tokok sejajar dengan rancangan Pelan Induk Perindustrian Malaysia. Usaha juga sedang dibuat bagi meningkatkan mutu dan mempelbagaikan keluaran produk-produk berasaskan lada hitam.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh kepada perkara lada hitam sahaja, oleh sebab hampir 98% lada hitam Malaysia berasal dari Negeri Sarawak dan kebanyakan petani-petani di Sarawak ialah pekebun-pekebun kecil lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju atau sedar bahawa dari segi struktur perdagangan antarabangsa dalam bidang komoditi utama sebenarnya era emas untuk lada hitam sudah habis, khususnya memandangkan dari supply side, dengan izin.

Sekarang India dan Vietnam pun sudah onstream dalam mengeluarkan lada hitam. Selama hampir 13 tahun sejak 1980, cuma pada satu tahun iaitu tahun 1987, yang mana harga lada hitam adalah tinggi sehingga RM1,000 setiap 100 kilogram. Dalam masa 5 tahun dahulu harga lada hitam untuk pekebun-pekebun kecil Sarawak itu tidak cukup untuk meliputi kos mereka, maka mereka tidak ada harapan lagi.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju supaya perkara ini dikaji semula atau suatu syor akan dibuat kepada Kementerian Pertanian

supaya pekebun-pekebun kecil lada hitam itu dinasihatkan janganlah menanam lada hitam lagi tetapi program Agricultural Diversification, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, akan diberi kepada para petani supaya mereka boleh menanam bunga, buah buahan atau ubi kayu untuk dibuat Ajinomoto dan sebagainya? Itulah masalah utama dalam bidang pertanian di Negeri Sarawak dan juga Sabah.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan di Sarawak sahaja tetapi di seluruh dunia. Ini bergantung kepada permintaan dan penawaran—kalau ditanam banyak, permintaan sedikit, harga akan jatuh. Sebagaimana yang berlaku pada lada hitam ini, pertambahannya meningkat sampai 50%. Misalnya, dari 141,800 tan pada tahun 1987, ia telah menjadi kepada 225,900 tan pada tahun 1991, sedangkan permintaan hanya berkembang pada kadar 3%—4% sahaja. Tetapi tanamannya berkembang terlalu besar. Jadi, apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat memang Kementerian saya bersetuju dan inilah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dengan memperkenalkan tanaman bunga, orkid dan lain-lain lagi.

Saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat sama-sama menasihatkan kepada petani supaya jangan lagi menanam lada hitam, apa yang ada ini cukup, tetapi yang baru jangan lagi ditanam. Kalau boleh, yang ada ini tingkatkan prestasinya dan tinggikan lagi Research and Development (R&D) supaya mutu lada hitam dapat ditingkatkan.

Dr. Osman Minudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa apa

jenis tanaman sekalipun memang petani-petani di kampung itu boleh menanamnya. Tetapi masalah utamanya ialah pemasaran. Adakah Kementerian membuat penyelidikan atau satu perancangan supaya pemasaran kepada tanaman-tanaman lain juga akan dipertingkatkan supaya petani-petani kecil ini dapat galakan untuk menanam jenis-jenis tanaman yang kita boleh pasarkan di seluruh dunia, umpamanya buah markisa sebagai contohnya.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kita terpaksa mempelbagaikan tanaman. Jadi yang expert dalam bidang ini ialah Kementerian Pertanian dan Kementerian Pertanian sudah mengkaji mengenai bidang-bidang yang boleh diberi galakan untuk menanamnya. Tetapi tugas Kementerian saya ialah soal-soal yang berkaitan dengan komoditi sahaja, misalnya apa yang telah ditimbulkan tadi iaitu kalau permintaan tinggi, harga tetap naik. Oleh sebab itu saya tidak boleh committed di sini bahawa apa jenis tanaman yang perlu, tetapi kajian yang halus hendaklah dijalankan sebelum tanaman-tanaman dilakukan, dan sama ada yang kecil hendak diperbesarkan, sebagaimana Yang Berhormat kata ataupun tanaman baru yang hendak diceburi terpaksa dikaji menerusi agensi-agensi Kerajaan yang ada di Kementerian masing-masing.

INFLASI—KADAR PERATUS

7. Datuk Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah peratus kadar inflasi bagi

negara kita bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini, berbanding dengan kadar yang sama bagi tahun lalu. apakah faktor-faktor yang menyebabkan ia naik ataupun turun.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi negara, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, telah meningkat sebanyak 3.8% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1993. Kadar ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan peningkatan sebanyak 4.6% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1992.

Secara lebih terperinci indeks kecil beberapa kumpulan barangan dan perkhidmatan Indeks Harga Pengguna, mencatatkan peningkatan yang amat sederhana sahaja. Indeks kecil kumpulan makanan hanya meningkat sebanyak 1.8% dalam tempoh 8 bulan pertama 1993, berbanding dengan peningkatan sebanyak 6.8% dalam tempoh yang sama tahun 1992. Pada masa yang sama, indeks kecil kumpulan pakaian dan kasut meningkat hanya sebanyak 0.9%. Indeks kecil perabot, hiasan dalaman, peralatan dan pengendalian rumahtangga meningkat sebanyak 1%, manakala indeks kumpulan perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan meningkat sebanyak 0.4% sahaja.

Kadar inflasi yang rendah di negara kita antara lain disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) kawalan ke atas peningkatan dalam permintaan agregat dengan mengamalkan dasar kewangan yang ketat serta dasar fiskal yang berhemat;
- (ii) menggalakkan tabungan dalam negeri;

- (iii) pengawasan dan kawalan yang berterusan ke atas harga barang-barang keperluan asas;
- (iv) pemberian peruntukan bagi pembangunan infrastruktur dan latihan sumber manusia yang bertujuan mengurangkan kesesakan infrastruktur di samping mengembangkan keupayaan pengeluaran;
- (v) pemotongan atau pemansuhan duti import ke atas lebih 600 jenis barangan termasuk bahan makanan seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1993;
- (vi) pelbagai langkah yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memastikan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Langkah-langkah seperti:
 - (a) mengadakan tindakan penguatkuasaan dan pemeriksaan harga dengan lebih kerap;
 - (b) menguatkuasa peraturan mengenai penandaan harga wajib bagi semua jenis barangan runcit berkuatkuasa 1 Jun 1993;
 - (c) menubuhkan Pusat Maklumat Harga;
 - (d) mengadakan dialog dengan persatuan pengguna; dan
 - (e) menerajui pelaksanaan konsep kedai harga berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi hanya akan berkesan sepenuhnya jika seluruh masyarakat khususnya gerakan pengguna turut membanteras inflasi. Ini termasuklah berbelanja mengikut kemampuan sendiri, menambahkan tabiat menabung dan berusaha meningkatkan produktiviti. Saya percaya jika setiap lapisan masyarakat memainkan peranan masing-masing, kita akan dapat membendung inflasi negara pada tahap yang paling rendah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa inflasi ialah pada kadar 4%. Kita amat gembiralah dengan angka tersebut. Tetapi apabila kita pergi ke kampung-kampung dan apabila kita beritahu bahawa inflasi ialah 4%, mereka menolak. Misalnya kenaikan harga kayu; dahulu papan berharga RM6, sekarang RM12, begitu juga harga plywood dari RM9 ke RM22.

Misalnya, Persatuan Pengguna Pulau Pinang dalam majalahnya selalu mengatakan inflasi adalah di sekitar 15% atau 20%. Jadi bagaimana kita hendak menyakinkan orang ramai yang inflasi ini 4% sedangkan harga kayu, harga sayur, harga susu kenaikannya bukan 4% tetapi kadang-kadang sampai 10% ataupun 15%. Jadi, saya minta pandangan daripada Timbalan Menteri.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, angka tunjuk yang digunakan adalah berdasarkan kepada kajian yang sistematik dan saintifik untuk menggambarkan kedudukan paras harga di negara kita. Itu merupakan pendekatan yang digunakan secara perbandingannya oleh negara-negara lain di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri sengaja memilih-milih perkara-perkara yang tertentu, maka ada 'biasas'nya dan juga ada 'prejudice'nya. Jadi, saya menasihatkan Yang Berhormat dari Nilam Puri supaya dapat memahami serba sedikit tentang kandungan kepada istilah yang digunakan iaitu "Indeks Harga Pengguna".

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana tahap kadar inflasi adalah dalam keadaan sederhana dan ekonomi negara adalah baik dan kukuh, adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mencadangkan kepada Kerajaan untuk menaikkan nilai Ringgit Malaysia supaya lebih berkesan dan bersaing dengan matawang asing dengan lebih hebat lagi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak cuba mempengaruhi pasaran terhadap harga Ringgit kita. Pernah hujah-hujah yang mengatakan bahawa nilai Ringgit kita adalah rendah. Pasaran yang menentukan paras tersebut dan sekarang ini sudah pun nampak tanda-tanda nilainya meningkat. Maka, lagi sekali pasaran yang menentukannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita merupakan sebuah Kerajaan yang memahami tentang kelebihan yang ada dalam pasaran untuk menentukan pengurusan ekonomi kita.

TV—IKLAN MAKANAN RINGAN

8. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Penerangan menyatakan mengepakah iklan-iklan makanan ringan (junk food)

diiklankan di kaca TV secara berleluasa dan mengelirukan kanak-kanak sedangkan makanan berkenaan dikenal pasti tidak berkhasiat dan telah tidak dibenarkan dijual di kantin-kantin sekolah.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini adalah sukar bagi Kementerian Penerangan mengadakan garis panduan ataupun peraturan yang boleh menghalang pengiklanan barangan makanan ringan, apa yang ditafsirkan sebagai "junk food". Ini adalah kerana Kementerian Kesihatan masih belum mempunyai sebarang definisi mengenai "junk food". Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan akan berusaha dengan Kementerian Kesihatan bagi menentukan satu definisi mengenainya. Ini bertujuan supaya langkah pengawalan dan penyeliaan untuk urusan pengiklanan terhadap barangan makanan ringan dapat dikemaskinikan serta memenuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan mengenainya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengapakah susah sangat kita hendak mengambil perkiraan sama ada kita mahu atau tidak mahu memuatkan iklan makanan-makanan ringan ini, oleh kerana polisi di tangan kita dan choice untuk memilih, memuatkan dan memberi ruang masa adalah kita.

Saya bertanya begini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya amat prihatin dalam hal ini. Oleh kerana iklan yang mengiklankan makanan kanak-kanak ini bukan sahaja hendak memasarkan makanan itu, tetapi juga menanamkan nilai-nilai perjudian, nilai-nilai yang mendorong anak-anak, bukan

terdorong untuk membeli makanan tetapi trinkets yang kecil-kecil, barang-barang mainan yang ada di dalam bungkusan makanan itu. Ini satu perkara yang serius. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian Penerangan akan mengharam atau menghapuskan iklan-iklan yang berkaitan dengan makanan ringan di masa akan datang?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengharamkan terus iklan bagi barangan-barangan makanan ringan, tidak ada rancangan untuk Kementerian melaksanakan sedemikian. Tetapi untuk menghadkan agar pengiklanan barangan-barangan yang tidak langsung bermutu, itu berkemungkinan kita akan lakukan kerana seperti mana saya katakan tadi, kita sedang berusaha untuk memastikan dengan Kementerian Kesihatan ke atas makanan-makanan yang tanpa faedah kepada rakyat umum.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah dikatakan susah sangat kita hendak memberhentikan pengiklanan barangan-barangan snack atau snack food? Sebenarnya pengiklanan adalah satu punca hasil kepada RTM dan barangan-barangan ini mendatangkan hasil lebih daripada RM1.5 juta sebulan, kadang-kadang RM15 juta setahun. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah prinsip keadilan. Kita perlu adil kepada penonton dan kita perlu adil kepada consumers, tetapi di samping itu kita juga perlu adil kepada pengusaha. Adalah menjadi usaha kita untuk membantu usahawan-usahawan tempatan khususnya untuk memperkenalkan dagangan mereka melalui iklan-iklan. Namun demikian, di atas pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong untuk memperketatkan

pengiklanan barangan-barangan yang tidak mendatangkan faedah kepada rakyat umum akan diambil kira.

Saya hendak menyatakan sedikit di sini berkenaan dengan nilai-nilai perjudian, pada pandangan saya tidak ada unsur-unsur tersebut dalam sebarang bentuk iklan, kerana kita menyedari bahawasanya apa juga iklan yang hendak ditayangkan atau hendak disiarkan adalah hendak dimuatkan nilai-nilai positif bukan nilai-nilai negatif. Namun, kami akan mengkaji dan kalau sekiranya ada, kami akan berhentikan.

Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Penerangan untuk memberi pendidikan khasnya kepada kanak-kanak di bangku sekolah dan amnya kepada seluruh rakyat jelata tentang apakah makanan-makanan yang berkhasiat, yang baik untuk rakyat dan khasnya kepada kanak-kanak untuk dibeli di kantin-kantin sekolah. Kalau Yang Berhormat bersetuju bahawa ini adalah tanggungjawab Kementerian Penerangan, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu rancangan khas pendidikan kepada kanak-kanak, khasnya dari segi makanan ringan yang manakah yang sesuai, yang berkhasiat, yang baik untuk kanak-kanak kita dari segi kemajuan fizikal dan mental mereka itu.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya

ditanya sama ada saya bersetuju bahawasanya peranan media elektronik ini juga bertanggungjawab mendidik anak-anak. Saya bersetuju bahawasanya media adalah juga bertanggungjawab untuk membantu mendidik anak-anak. Sebenarnya, pendidikan itu bukan sahaja hanya pada media. Kalau kita kaji dari segi psikologi yang dikatakan mempengaruhi anak-anak ada banyak; yang pertamanya, ibubapa di rumah. Itu sebabnya Kerajaan telah melancarkan "Baiti Jannati"—"Rumahku Syurgaku". Yang kedua, di sekolah—guru-guru. Itulah sebabnya Kerajaan telah melancarkan program seperti pendidikan mewujudkan insan kamil, manusia yang seimbang. Yang ketiga ialah kawan atau rakan sebaya. Dan yang keempat, barulah media. Di antara media ini, media elektronik adalah yang paling popular dalam bentuk media.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawasanya pendidikan ini perlu juga dimuatkan dalam televisyen kerana itulah yang menjadi amalan dan prinsip kita.

Keduanya, sama ada boleh kita didik anak-anak ini untuk memakan makanan yang baik-baik. Kita ada Rancangan Kanak-kanak pada tiap-tiap minggu yang bukan sahaja mendidik anak-anak dari segi makanan, tetapi juga dari segi budi-pekerti, tingkah-laku, sopan-santun dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat dari Kuala Kedah itu memang diambil kira. Di mana yang kita tertinggal, kita akan ambil kira.

**LESEN MEMANDU KERETA—
ALAMAT TERKINI**

9. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apa sebab Kementeriannya bercadang bahawa JPJ, JPN dan pihak polis akan mengambil tindakan terhadap pemegang-pemegang lesen pemandu, yang beralamat lain daripada alamat kad pengenalan atau geran kereta mereka sedangkan JPJ dan JPN tidak mampu mengatasi beban kerja harian mereka sekarang;
- (b) apakah sebab-musabab pemandu-pemandu lori melancarkan mogok pandu di merata-rata tempat dalam negeri dan apakah langkah telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah mereka; dan
- (c) sama ada Kementeriannya bercadang mengulangkaji pelaksanaan sistem berkongsi kereta di Kuala Lumpur. Jika tidak, bilakah kempen ini dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tindakan terhadap pemegang lesen memandu supaya mereka mengemaskini alamat-alamat tempat tinggal mereka adalah penting, kerana dengan adanya alamat yang terkini maka penguatkuasaan terhadap pemandu-pemandu yang melanggar peraturan lalulintas boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

- (b) Kerajaan tidak mengetahui sebab sebenar pemandu-pemandu lori tersebut melancarkan mogok pandu, selain daripada dakwaan mereka yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar bahawa mereka dianiaya oleh pihak penguatkuasa. Dakwaan ini adalah tidak benar. Pihak penguatkuasa akan terus mengadakan operasi penguatkuasaan bagi memastikan semua kenderaan termasuk lori-lori mematuhi peraturan lalulintas seperti tidak membawa muatan yang berlebihan dan tidak mengeluarkan asap yang berlebihan.
- (c) Mengenai program perkongsian kereta, telah pun saya jawab kelmarin dan saya sebut sebentar tadi kempen untuk kesedaran ini telah pun dimulakan pada 15 Julai 1993.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan cadangan-cadangan daripada pihak Kementerian Pengangkutan ini, akan menyebabkan orang ramai terpaksa membuat perhubungan yang lebih dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Dan baru-baru ini saya telah mendengar laporan bahawa pihak Jabatan Pengangkutan Jalan akan cuba memindahkan beban kerja sedikit kepada Pejabat Pos dalam urusan-urusan tertentu. Dalam keadaan pertambahan pengangkutan yang mendadak dan perhubungan yang canggih ini, apakah pihak JPJ khasnya pihak Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan pejabat-pejabat cawangan di pekan-pekan kecil bagi memudahkan orang ramai berurusan.

Soalan yang kedua ialah mengenai bahagian (c), iaitu berhubung dengan berkongsi kereta ini, saya dapati bahawa kempen ini akan menjadi lebih berjaya kalau perkhidmatan pengangkutan awam meningkat ke tahap yang baik. Tetapi, kalau semua orang berfikir mengatakan tidak ada kereta sendiri—susah, ini membuktikan bahawa pengangkutan awam dan kempen berkongsi kereta akan menjadi lebih payah. Soalannya ialah apakah Kementerian tidak bercadang bersama-sama dengan kempen berkongsi kereta ini akan melancarkan kempen mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam secara besar-besaran?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada di antara tugas-tugas itu kita agih-agihkan supaya ianya akan lebih memudahkan orang ramai mendapatkan tugas-tugas tersebut, misalnya mengagihkan sebahagian daripada kerja kepada Pejabat Pos kerana Pejabat Pos berada di mana-mana juga di dalam negara kita ini.

Mengenai pejabat cawangan, sebenarnya memang kita sudah pun mengadakan di banyak tempat di bandar-bandar yang kecil, pejabat-pejabat cawangan JPJ. Mungkin selepas Rancangan Malaysia Keenam, kita akan mengkaji semula dan tambah lagi berasaskan pertambahan penduduk di satu-satu pekan kecil ataupun di satu-satu kawasan.

Mengenai berkongsi kereta, rasa saya sudah penat juga saya bercakap, suara pun serak pula itu. Kelmarin sudah saya jelaskan iaitu rancangan Kerajaan untuk mengadakan LRT, untuk mempertingkatkan lagi commuter service Keretapi Tanah

Melayu. Di samping itu, ada cadangan untuk dijadikan konsortium syarikat-syarikat bas, teksi dan sebagainya. Saya jangka Yang Berhormat sedar mengenai perkara ini, inilah cara-cara dan usaha-usaha untuk meningkatkan.

Mengenai tindakan yang diambil kepada pemegang-pemegang lesen memandu itu, perlu kita mengemaskinikan alamat-alamat mereka kerana sekarang kita sudah pun mengkomputerkan Jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara. Oleh yang demikian, kita perlukan database yang terkini. Itulah sebabnya kita mengambil tindakan kepada pemandu-pemandu yang menukar alamat dengan tidak memberitahu kepada Jabatan. Sebenarnya di bawah Akta Pengangkutan Jalan, pemandu-pemandu dan pemilik kenderaan boleh dikenakan saman sekiranya mereka tidak melaporkan tukar alamat dalam tempoh 7 hari setelah mereka pindah ke satu tempat lain.

Saya suka juga mengingatkan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat menukar alamat dan tidak memberitahu JPJ, nanti kena saman.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun beliau sakit tetapi dia terpaksa menghadiri Dewan ini, oleh kerana kecuaiannya yang tidak ada langsung di sini. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu berkenaan dengan tukar alamat. Oleh kerana pada masa sekarang saya ingat JPN pun tidak sempat untuk menukar alamat orang yang ingin berbuat demikian, adakah kemampuan JPJ berbuat demikian? Saya berasa ragu. Sama ada cadangan ini datang daripada Menteri

Pengangkutan, adakah waras atau tidak? (*Ketawa*) Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat jangan menghasut saya ya? (*Ketawa*)

Sebenarnya sama ada sempat atau tidak sempat, itu tanggungjawab JPJ. Saya katakan tadi, kita sudah mengkomputerkan on-line seluruh Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh kerana itu, kita perlukan alamat-alamat, butir-butir yang terkini. Tetapi yang paling penting ialah di bawah Akta Pengangkutan Jalan, iaitu di bawah Kaedah 14 (2), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor Lesen Memandu, semua orang kena melaporkan pertukaran alamat dalam tempoh tujuh hari, kalau tidak, mereka ini boleh disaman RM300.

SAHAM STM KEPADA MAIKA HOLDINGS

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa beliau telah mengelirukan Dewan Rakyat pada 6hb. Mei 1992 bahawa Kerajaan telah memperuntukkan 10 juta saham STM kepada MAIKA Holdings pada September/Oktober 1990, apabila peruntukan tersebut adalah diberikan kepada MIC; dan menyatakan jumlah saham Tenaga (dan harga) yang diperuntukkan kepada MIC pada 1992 oleh Kerajaan dan kepada parti komponen Barisan Nasional.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan ini pada 6 Mei 1992 adalah selaras dengan

keputusan Kerajaan untuk memperuntukkan 10 juta saham STM kepada masyarakat India. Ianya telah disalurkan melalui MAIKA Holdings sebanyak 1 juta, SB Management Sdn. Bhd. sebanyak 3 juta, Advanced Personal Computer Sdn. Bhd. sebanyak 3 juta dan Clearway Sdn. Bhd. sebanyak 3 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Badan Pencegah Rasuah telah pun membuat siasatan ke atas perkara-perkara itu dan merumuskan bahawa perolehan dari penjualan saham-saham itu telah digunakan untuk kepentingan masyarakat India.

Mengenai saham Tenaga Nasional Berhad, tiada peruntukan dibuat kepada MIC ataupun mana-mana parti komponen Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kementerian Kewangan, badan yang bertanggungjawab untuk memperuntukkan saham-saham tersebut, bertanggungjawab ke atas semua penyelewengan, korupsi yang berlaku akibat daripada peruntukan-peruntukan, khasnya dalam kes ini peruntukan 10 juta saham Telekom (STM) yang di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan ada berkata bahawa ia diperuntukkan kepada MAIKA Holdings, kemudian barulah timbul tiga syarikat, share RM2 sahaja modalnya.

Soalan pokok di sini ialah adakah peruntukan dibuat kepada kaum India melalui MIC atau melalui MAIKA Holdings. Kalau melalui MIC, kenapa ACA perlu mengambil 17 bulan main wayang kulit, mengadakan siasatan, panggil Menteri-menteri isytiharkan harta benda, oleh kerana tidak ada kes.

Melalui MIC boleh buat apa Presidennya suka buat. Tetapi kalau keputusan ialah diberi kepada kaum India melalui MAIKA Holdings, timbullah korupsi, hijacking saham-saham yang diperuntukkan untuk MAIKA Holdings. Itulah soalan pokok.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa Kementerian Kewangan bertanggungjawab ke atas semua penyelewengan dan korupsi yang berlaku dan ini adalah penyelewengan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam jawapan Yang Berhormat Menteri dan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sendiri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini, inilah **Hansard** bertarikh 12hb. November menegaskan bahawa peruntukan ialah kepada MAIKA Holdings, dan bukan MIC. Itulah soalan pokok.

Inilah tidak jujur, inilah cover-up, inilah tidak sincere. Ini menunjukkan ACA bukan Anti Corruption Agency, tetapi "Allow Corruption Agency".
(*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: soalan saya ialah adakah Kementerian Kewangan, khasnya Menteri Kewangan, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet tentang Korupsi dan Penyelewengan, adakah dia rela memikul tanggungjawab untuk mengadakan satu siasatan yang boleh memuaskan semua rakyat jelata mengenai skandal

MAIKA Holdings ini, khasnya oleh kerana sangat ternyata; ketara ada penyelewengan-penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Belum. Ini belum habis. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan. Soalan saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan satu lagi, ya.

Tuan Lim Kit Siang:ini satu perkara yang besar, sebab itu saya perlu beri latarbelakang—penyelewengan, takut penyelewengan. Barisan Nasional ialah Barisan Penyelewengan! (*Ketawa*)

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa selepas siasatan oleh ACA yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri selama 17 bulan dan hanya keluaran kenyataan 6 perenggan, fakta-fakta yang didapati adalah bercanggah dengan kenyataan-kenyataan yang ada dibuat oleh Presiden MIC, yang menunjukkan bahawa adanya salah guna kuasa. Saya di sini ada kenyataan Presiden MIC.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:pada 15hb. Mei yang menunjukkan—itu sahaja, saya pendekkan—dia kata bahawa penjualan RM5.5 juta saham kepada

APC, SB Management dan Clearway untung bersih RM100,000 semua diberi kepada MIED, tetapi ACA kata adalah wang untuk beli RM3 juta saham Tenaga. Kalau tidak diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan, ini open market RM25 juta dari mana? Inilah penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh dituturkan?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan itu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah satu siasatan diadakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Lim Kit Siang:kalau Kementerian Kewangan mahu ada satu imej yang bersih, dan bukan "Allow Corruption Agency"?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan rela dan sanggup untuk memikul tanggungjawab tersebut. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Kerajaan untuk menyalurkan RM10 juta adalah untuk kepentingan masyarakat India. Perantara yang menerima bagi pihak masyarakat India ialah MAIKA Holdings dan 3 syarikat yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Kementerian Kewangan tidak mengenakan syarat-syarat bagaimana mereka menggunakan saham-saham tersebut, bahkan BPR sudah pun masuk menyasiat dan membuat rumusan bahawa kesemuanya digunakan untuk kepentingan masyarakat India, khususnya melalui MIED untuk pembangunan pendidikan masyarakat

India. Jika sekiranya Yang Berhormat dari Tanjong hendak terus main wayang kulit, silalah memajukan fakta-fakta baru untuk disiasat seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah habis.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan No. 10 hingga 28 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak)

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Majlis Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Urusan Mesyuarat, Perdana Menteri tidak ada di sini dan Timbalan Perdana Menteri pula sudah letak jawatan, tidak ada Chief Whip, tidak ada Timbalan Chief Whip, siapa Pemangku Whip supaya kita boleh hubung mengenai Urusan Mesyuarat ini. Adakah kita tidak ada Whip sekarang, tidak ada Government Whip, tidak ada Deputy Whip—Whipless, Headless Barisan Nasional! (*Tepuk*) Siapakah acting Whip?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, Dato' Syed Hamid bin Jaafar Albar adalah Penolong Whip. Jadi, beliaulah yang bertanggungjawab berkenaan dengan Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Itu Assistant Whip. Siapa Timbalan Whip—Acting Whip—Whipless!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan Whipkah, tak Whipkah, bukan soal dibincangkan

dalam Dewan. Itu ialah Peraturan ataupun perkara-perkara yang diuruskan oleh parti-parti sendiri, bukan di dalam Dewan ini. Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang Di-Pertua, Barisan Nasional bukan macam DAP.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tidak ada Ketua Pembangkang, tidak ada Whip. Kita boleh ada ramai Whip.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN KESEHATAN PEKERJAAN 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb. Oktober 1993)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nilam Puri.

3.36 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, menyambung semula perbincangan Rang Undang-undang tersebut, seperti yang saya sebutkan kelmarin bahawa sekarang ini perlindungan kepada pekerja begitu lemah sekali, terutama sekali dengan kedatangan pekerja-pekerja asing, maka dijadikan pekerja-pekerja asing itu sebagai the new slave—hamba-hamba baru, dan juga digunakan untuk menekan pekerja-pekerja tempatan daripada menuntut gaji, menuntut hak-hak kesihatan dan menuntut apa-apa kebajikan untuk mereka. Kemudian pekerja-pekerja asing yang datang ini pula, mereka datang untuk mencari kerja, mereka kurang menuntut hak-hak mereka seperti SOCSO ataupun perlindungan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya. Oleh itu, mereka bolehlah dibayar secara yang dikehendaki oleh mereka, oleh majikan-majikan, dan Kerajaan amat lemah dari segi melindungi pekerja-pekerja asing ini.

Semalam kita bercakap dan berlaku, kita lihat apa yang berlaku kemalangan yang menimpa dalam pembinaan bangunan sebuah Kolej ataupun sebuah pusat pengajian di Bandar Utama Damansara yang menyebabkan 6 kematian setakat ini dan cedera beberapa orang lagi. Siasatan awal yang dibuat oleh para wartawan kerana pihak Polis belum mengeluarkan kenyataan, ataupun pihak Majlis Bandararan belum lagi membuat kenyataan, tetapi siasatan awal didapati pengakuan pekerja-pekerja ialah mereka diminta bekerja dengan kuat untuk mempercepatkan siapnya

bangunan tersebut walaupun peraturan-peraturan pembinaan satu bangunan yang tinggi terpaksa mereka tidak ikut. Misalnya simen yang belum lagi keras atau beku mereka telah meniti di atas simen tersebut dan menyebabkan berlaku runtuhnya kren dan sebagainya. Ini disebabkan pekerja-pekerja ini ditekan supaya menyiapkan bangunan itu dengan cepat, dan berlakulah kematian 6 orang. Mungkin mereka ini kebanyakan rakyat asing. Sebab itulah sekarang ini ada dua perkara yang utama dari segi perlindungan pekerja ini. Yang pertama rakyat tempatan sekarang ini kurang hak mereka di sudut perlindungan kerana ancaman pekerja asing. Pekerja asing pula dijadikan the new slave—hamba baru, dari segi untuk mencapai kemajuan dan keuntungan kepada syarikat-syarikat ataupun kontraktor-kontraktor besar sekarang ini. Perkara ini pihak Kementerian dalam Rang Undang-undang yang kita nampak di sudut tulisannya cukup cantik, kita harap bukan janji lagi, tetapi kita akan mengatasi perkara ini secara serius kerana kita melihat perkara ini sedang menjadi-jadi di negara kita sekarang ini. Ini kemalangan yang melibatkan kematian 6 orang keluar dalam semua headline suratkhbar. Tetapi kematian yang berlaku, seorang yang patah tangan, yang patah kaki berlaku boleh dikatakan setiap hari. Bahkan sekarang ini dibuat kajian yang pernah saya bentangkan di sini dalam sesi yang lalu, iaitu sektor pembinaan menjadi sektor pembunuh utama kepada rakyat Malaysia dan juga rakyat asing yang bekerja di negara kita sekarang ini.

Dan pihak Kementerian Sumber Manusia terlalu leka dalam menangani masalah-masalah kebajikan pekerja luar ataupun pekerja tempatan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut keselamatan, kesihatan dan juga kebajikan sosial pekerja-pekerja kilang, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Padang Terap semalam yang mengatakan bahawa ada kilang-kilang tidak membenarkan pekerja-pekerja mereka menunaikan sembahyang Jumaat, bahkan sembahyang waktu sekalipun, kadang kalanya terpaksa dicuri-curi untuk menunaikan sembahyang waktu. Ini, barangkali dalam rombongan perdagangan yang dibuat oleh Kementerian yang pergi ke luar negeri, di antaranya tidak diterangkan kepada pelabur asing tersebut bahawa orang-orang Malaysia ini adalah orang-orang yang berpegang kepada ajaran agama, terutama sekali orang-orang yang beragama Islam, di mana mereka perlu bersembahyang lima kali satu hari dan sembahyang Jumaat seminggu sekali.

Sebab itu ada laporan dalam akhbar baru-baru ini yang mengatakan di Perai sahaja terdapat 18 kilang kepunyaan Taiwan yang tidak mengizinkan pekerja-pekerjanya menunaikan sembahyang Jumaat. Ini satu perkara yang serius, sebab yang ditumpukan hanyalah production tanpa menguruskan soal jiwa, soal keselamatan dan soal sosial pekerja-pekerja. Begitu juga seperti yang ditimbulkan oleh Pengerusi NCWO, Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail—saya sebutkan nama kerana hendak memuji—beliau mengatakan bahawa pekerja-pekerja kilang sekarang ini seolah-olah telah diletakkan berasingan daripada masyarakat, mereka tidak ada dalam 'mainstream' masyarakat dan kita pun telah menegur perkara-perkara ini bila pekerja-pekerja kilang diasingkan dan diletakkan dalam satu kedudukan seolah-olah mereka ini satu masyarakat yang kurang baik, sedangkan mereka

bekerja mengeluarkan titik-peluh, di mana ia adalah satu pekerjaan yang mulia. Bila mereka terasing daripada masyarakat, maka mudahlah mereka melakukan segala kerja-kerja yang dianggap sekarang ini terhina kepada mereka, misalnya ada orang mengatakan bahawa pekerja elektronik mengeluarkan 'chips' and 'child', iaitu mengeluarkan 'chips' elektronik dan juga produce 'child'.

Perkara tuduhan seperti ini kita tidak mahu dengar lagi dan kita berharap untuk melindungi pekerja-pekerja kilang ini, pihak Kementerian mestilah juga mewajibkan supaya mereka ini diberi kursus, diberi kebebasan untuk mengikuti kuliah-kuliah agama dan pihak kilang juga hendaklah mengizinkan mereka ini mengikuti kuliah-kuliah agama secara bebas, tanpa mengira daripada parti-parti politik mana ataupun daripada badan-badan dakwah mana untuk masuk ke kilang-kilang. Kita kena akui bahawa sekarang ini majoriti mudamudi kita berada di kilang-kilang dan sedangkan mereka berada di tahap yang menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya, sekarang ini kita lihat, kalau dahulunya pekerja wanita didiskriminasikan dan dianaktirikan, tetapi kebelakangan ini berlaku pula pekerja lelaki dianaktirikan. Misalnya, di kawasan Mak Mandin, Kawasan Prai ataupun di kawasan-kawasan perdagangan bebas, selalunya kita melihat iklan "kami mahu pekerja wanita". Begitu juga dengan kilang-kilang sardin dan kilang-kilang kain, mereka tidak mahu pekerja lelaki. Bila kita tanya kepada pihak penyelia atau pihak-pihak manager yang kadangkala menjadi kawan-kawan kita, kenapa tidak suka pekerja lelaki? Kata mereka,

pekerja wanita mudah diuruskan, pekerja wanita tidak suka menuntut gaji, pekerja wanita tidak suka menubuhkan union dan oleh itu dengan adanya ramai pekerja wanita, kami mudah mencapai keuntungan yang semaksimumnya daripada menguruskan pekerja lelaki.

Ini terang-terang berlaku. Sebab itu kita lihat kadangkala kerja itu tidak sesuai dengan wanita, tetapi sengaja diperbanyakkan pekerja wanita itu kerana mereka tahu bahawa wanita ini enggan memberontak, mengkritik ataupun menubuhkan union, dan dengan itu pihak kilang tersebut mendapat keuntungan yang semaksimum mungkin. Pihak Kementerian hendaklah melihat perkara ini secara serius, sebab sekarang ini yang dibimbangkan pengangguran banyak berlaku di kalangan orang-orang lelaki, terutama sekali di Pulau Pinang di mana kita melihat selalunya wanita-wanita lebih mudah mendapat pekerjaan—itu kita mengalu-alukan, tetapi yang lebih penting ialah mereka ini mudah dieksploitasikan daripada pekerja-pekerja lelaki. Sebab itulah pihak Kementerian dalam melindungi hak-hak pekerja ini, mereka kena lihat eksploitasi yang dilakukan terhadap wanita yang berlaku begitu hebat di kilang-kilang sekarang ini dalam usaha Kerajaan kita mengejar Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara industri, tetapi kita membiarkan kaum wanita dieksploitasikan untuk mencapai tujuan kekayaan syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap mengenai hal kilang ini sebab saya biasa bekerja di kilang sepuluh atau lima belas tahun dahulu, seperti yang saya sebut semalam, tetapi kita melihat suasana sekarang ini semakin teruk.

Sekarang ini kita lihat union di peringkat Kebangsaan semakin tidak digalakkan untuk ditubuhkan, kebanyakan penubuhannya hanya digalakkan di peringkat 'in-house union'. Bila berlaku penubuhan union hanya di peringkat 'in-house union' ini, maka kita lihat tekanan kepada pekerja itu begitu hebat dikenakan sehingga mereka kena taat kepada apa yang dikehendaki oleh majikan mereka. Mereka tidak boleh minta bantuan daripada rakan-rakan mereka daripada kilang-kilang yang lain atau daripada tempat-tempat yang lain. Oleh itu 'in-house union' ini perlu dilihat semula, perlu direnung semula dan perlu dikaji semula supaya pekerja-pekerja ini dapat bergabung di peringkat nasional di atas nama kesatuan sekerja kebangsaan untuk membela hak-hak mereka. Kita mahu Malaysia ini maju tetapi janganlah kemajuan itu mengorbankan rakyat negara ini dan juga rakyat luar sekarang ini dijadikan hamba abdi, buruh di negara kita. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

3.47 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993. Saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia kerana telah mempunyai sikap prihatin terhadap pekerja. Seperti yang kita sedia maklum, pekerja ini juga adalah nadi kepada setiap perusahaan dan setiap perniagaan. Tanpa pekerja yang jujur, ikhlas dan sanggup bekerja kuat untuk syarikat-syarikat ataupun pelabur-

pelabur, maka syarikat-syarikat tersebut akan menghadapi kerugian. Akan tetapi jika kita berkehendakkan pekerja-pekerja yang baik, pekerja-pekerja yang bertanggungjawab, maka pihak syarikat juga perlu mempunyai dua hala iaitu perbincangan dua hala dan bantuan terhadap pekerja-pekerja tersebut. Kalau kita mempunyai pekerja-pekerja yang baik dan taat setia kepada syarikat tersebut, maka di penghujung tahun, kita dapat lihat syarikat-syarikat tersebut akan dapat mengeluarkan keuntungan yang begitu lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita dapat lihat etika pekerja-pekerja Jepun yang begitu taat dan setia kepada syarikat mereka. Mereka bekerja dari muda sehinggalah mereka pencen di dalam syarikat tersebut, dan kadang-kadang syarikat ini pula akan membiayai pekerja-pekerja ini untuk berjalan ke serata pelosok dunia. Inilah sikap yang kita mahu, supaya syarikat-syarikat betul-betul bertanggungjawab dan betul-betul komited kepada pekerja-pekerja ini supaya mereka ini pula akan membalas budi yang telah disalurkan oleh syarikat-syarikat tersebut ataupun majikan-majikan kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada Kementerian supaya memerhati, kerana di setiap pilihan raya kecil ataupun pilihan raya umum, pekerja-pekerja kilang ini seringkali tidak dibenarkan keluar untuk mengundi. Semasa pilihan raya kecil Parlimen Jerai, lebih kurang 2,000 pengundi-pengundi yang berkhidmat ataupun bekerja dengan kilang-kilang telah tidak dapat keluar mengundi disebabkan tidak diberi kebenaran oleh kilang-kilang tersebut. Ini amat merugikan kita. Saya bersetuju dengan pandangan-pandangan dari Yang

Berhormat-Yang Berhormat yang berucap terlebih awal, bahawa kita kena memberitahu kepada pelabur-pelabur, kepada peniaga-peniaga dan kepada pengilang-pengilang tentang tata budi-bicara hidup rakyat di Malaysia ini.

Undang-undang kita mesti dipatuhi walaupun kita memerlukan pelabur-pelabur dari luar. Kalau kita melonggarkan peraturan-peraturan ini semata-mata kerana hendakkan banyak pelabur-pelabur masuk ke tanah air kita ini, maka akibatnya kelak rakyat Malaysia sendirilah yang akan menanggung kerugian dari segi moralnya. Perkara ini kalau dibiarkan berlaku, maka suatu hari nanti Kerajaan sendiri akan menghadapi masalah dengan pengilang-pengilang ataupun pengusaha-pengusaha luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pekerja-pekerja hari ini mempunyai penyakit mental atau tekanan jiwa. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa di setiap kilang dan tempat perniagaan mesti diadakan khutub-khanah ataupun seminggu sekali diadakan kaunseling untuk mereka ini. Kadang-kadang kerana tekanan kerja atau tekanan daripada majikan begitu berat, mereka ini menghadapi keadaan yang serba-salah. Tiada tempat untuk mengadu. Kalau diwujudkan tempat untuk mereka meluahkan perasaan, adakan kaunseling di antara pekerja dengan badan-badan tertentu maka dengan ini kita dapat mengurangkan tekanan mental yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kilang ataupun pekerja-pekerja di mana-mana syarikat yang wujud di tanah air kita pada hari ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat hari ini telah berlaku dua,

tiga insiden di mana tenaga-tenaga luar yang terdiri daripada orang Islam telah diberi kebenaran untuk bekerja terutama sekali sebagai pembantu-pembantu rumah kepada orang-orang yang bukan Islam. Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Sumber Manusia mengambil berat tentang perkara ini. Ini adalah penghormatan sebagai seorang Islam di mana sekiranya bekerja dengan rumah bukan Islam, maka kadang-kadang makanan-makanan dan kedudukan di dalam rumah itu sendiri tidak sesuai dari segi agama.

Jadi, untuk menghormati agama Islam kita ini, saya menyarankan Kementerian Sumber Manusia memeriksa dan memerhati supaya jangan ada lagi pekerja-pekerja pembantu rumah yang beragama Islam dibenarkan bekerja dengan majikan-majikan yang bukan beragama Islam. Ini penting dari segi agama dan kita kena pertahankan hak ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi syarahan agama, dari segi tempat-tempat sembahyang juga perlu diwujudkan di setiap kilang-kilang yang ada di dalam tanah air kita ini. Kalau di ruang pejabat kita dapat adakan bilik untuk bersembahyang, kenapakah kilang yang begitu besar yang menelan belanja beratus-ratus juta tidak mampu untuk mewujudkan satu ruang ataupun satu bilik untuk pekerja-pekerja menunaikan solat apabila waktunya tiba.

Kalau kita dapat menanamkan semangat yang soleh kepada tiap-tiap pekerja ini, maka tidak wujudlah seperti peristiwa baru-baru ini di mana seorang pekerja kilang telah dituduh di mahkamah kerana membunuh anak yang baru lahir dan juga peristiwa-

peristiwa yang tidak diinginkan. Maka tidak lagi akan disebut oleh orang bila wanita-wanita yang bekerja di kilang; di sebelah Utara biasa disebut “Minah Karan”. Jadi, kita tidak mahu perkataan-perkataan ini kerana bekerja di kilang bukanlah satu pekerjaan yang hina.

Jadi, disebabkan oleh moral ataupun tidak kukuhnya iman mereka ini, maka mereka ini menyeleweng disebabkan oleh pergaulan yang tidak begitu terhad di dalam satu-satu kilang itu. Kadang-kadang di pejabat-pejabat pun saya dapat lihat juga, sambil-sambil kerja dok melawak. Maklumlah melawak ini kadang-kadang di antara lelaki dengan perempuan, mula-mula melawak, lepas itu kuis-kuis tidak berapa melawak dah. Lepas itu jadi benda-benda yang tidak elok. Kerana apa? Kerana keimanan itu tidak ada.

Jadi, ini kita kena buat. Kadang-kadang melawak pun tidak kenalah. Kalau kerja, kerjalah, dok melawak pi mai, pi mai, kadang-kadang dia berasa pelik. Maklumlah, berlainan jantina. Kalau lelaki dengan lelaki melawak lain. Lelaki dengan perempuan ini melawak kadang-kadang dia pergi ke arah yang pelik. Jadi, yang ini kita tidak mahu.

Kita kena adakah kelas-kelas agama. Ini tanggungjawab Kerajaan. Kementerian kena buat yang ini. Saya memuji Kilang PERWAJA di Sungai Petani. Kalau tuan-tuan ada masa, pergilah melawat Kilang PERWAJA di Sungai Petani. Dia ada sebuah masjid. Dia ada seorang guru berkelulusan al-Hafiz untuk mengajar pekerja-pekerja menunaikan sembahyang dan sebagainya. Dia ada TADIKA di situ untuk setiap pekerja kilang menghantar anak-anak mereka ke TADIKA itu di mana emak dan bapa mereka pergi bekerja di kilang. Dia ada juga

kawasan-kawasan rekreasi. Dia ada rock garden untuk pekerja-pekerja kalau sudah pening dengan kilang, pergi duduk atas batu melengung sat untuk menghilangkan tension dia itu. Ini semua ada. Kalau tuan-tuan ada masa, pegawai-pegawai Kementerian Sumber Manusia ada masa pergilah melawat Kilang PERWAJA di Gurun. Inilah satu kilang contoh yang saya kira dapat kita ambil untuk kita sesuaikan kepada kilang-kilang yang lain ataupun industri-industri lain yang ada di tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan tersebut sahaja ada hampir 1,000 pokok durian. Itu untuk kenduri dengan pekerja-pekerja dia bila musim berbuah tidak lama lagi. Inilah yang kita mahu. Hubungan di antara “taukeh dengan kuli” ini—orang kata dalam bahasa berniaga—kena ada perhubungan yang rapat dan perhubungan yang baik. Bila ada perhubungan yang baik ini, maka pekerja ini akan dapat mengeluarkan tenaga kerja, pemikiran yang baik, hormat kepada syarikat dia, sayang kepada syarikat dia dan ini kelak menguntungkan pengusaha-pengusaha tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang ingin saya nyatakan di sini ialah dari segi pengangkutan pekerja-pekerja pada hari ini. Saya dapat lihat bas-bas atau van-van yang digunakan untuk mengangkut pekerja-pekerja kadang-kadang cukup daif. Sebab itulah kita dapat lihat banyak peristiwa-peristiwa kemalangan di mana pekerja-pekerja kilang terpaksa terjun masuk dalam parit dengan bas-bas sekali di mana kemalangan-kemalangan ini telah mengorbankan nyawa-nyawa pekerja. Ini adalah disebabkan kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk mengangkut pekerja-pekerja itu telah

agak lama dan tidak boleh digunakan lagi ataupun kenderaan atau van tersebut terlalu kecil untuk dimuatkan terlalu ramai orang di dalam kenderaan tersebut. Kementerian Sumber Manusia kenalah berhubung dengan Kementerian Pengangkutan untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja ini mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Janganlah kita anggap mereka ini datang dari kampung; kerana kebanyakan pekerja-pekerja kilang datang dari kampunglah. Musim tanam padi, mereka tanam padi. Selepas itu mereka bekerja di kilang. Walaupun mereka berasal dari kampung, bukan bermakna mereka tidak tahu. Mereka cerdik juga tetapi kadang-kadang untuk bersuara mereka tidak berani, maklumlah cari makan. Jadi, kita harap Wakil Rakyat yang ada ini boleh menyuarakan kesedihan mereka. Kadang-kadang sampai duduk atas riba di dalam van, 20 hingga 30 batu dari Yan untuk ke Sungai Petani, duduk atas riba! Nasib baiklah riba sesama lelaki. Kalau duduk atas riba yang lain tidak kacau? Itu kita kena ingat. Tolonglah sedikit Menteri, hubungilah JPJ untuk menyasat. Jangan dibiarkan macam itu. Benda ini setengah jam pun boleh jadi. Itu kita tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah insurans kemalangan ataupun workmen's compensation. Walaupun mereka ini dapat perlindungan daripada SOCSO dan sebagainya, tetapi saya kira kadang-kadang di hujung tahun, syarikat itu mengeluarkan keuntungan atau mendapat keuntungan yang cukup lumayan. Jadi, apa salahnya jika sedikit dari keuntungan tersebut diambil untuk menyenangkan pekerja-pekerja mereka itu sendiri dan mereka mendapat kebebasan dari cukai. Jadi, apa

salahnya Kementerian memastikan pekerja-pekerja ini juga dilindungi dengan workmen's compensation. Sebagai contoh, peristiwa di Damansara. Walaupun mereka ini pendatang dari Indonesia tetapi mereka ini adalah manusia seperti kita juga. Mereka juga mempunyai keluarga, mempunyai anak dan isteri.

Jadi, kita kenalah memastikan bahawa janganlah pengusaha-pengusaha atau taukeh-taukeh ini menekan pekerja-pekerja dia dan tidak langsung mempertikaikan ataupun melihat. Kalau kemalangan menimpa kepada si bapa, apakah akan terjadi kepada anak-anak dia? Di mana dan bagaimanakah anak-anak dia akan menyambung hidup? Ini semua kenalah kita lihat kerana sekarang ini keuntungan ada. Syarikat-syarikat sekarang ini memang untung di Malaysia. Kalau yang tidak untung itu, tidak tahu berniaga. Dengan keadaan ekonomi yang baik hari ini, kalau tahu berniaga semua untung Kementerian jangan kira, go all out. Kalau dia boleh untung sampai RM100 juta, apa salah hendak buang RM3 juta atau RM4 juta untuk kebaikan dan welfare kepada pekerja.

Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua, kita kena pastikan bahawa pekerja ini juga manusia macam kita. Pekerja ini juga mempunyai tanggungjawab. Jadi kita kena pastikan bahawa mereka ini dapat diberi jaminan hidup—kalaulah mereka ini terkorban semasa mereka menjalankan perkhidmatan mereka di dalam apa juga bidang sama ada pengusaha, pengilang atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kedah ramai orang dok buat harvester yang dok kerat padi kadang-kadang dia tak sedar kakinya sebelah sudah terlepas masuk ke dalam mesin itu.

Tahu-tahu, tengok kudung! Sambil dok bawa mesin harvester itu! Jadi yang ini juga kadang-kadang bila sudah kudung duduk di rumahlah! Duduk di rumah kerana apa? Tauke dia itu tidak ambil insurans (workmen's compensation). Kalau SOCSO dapatlah sedikit. Beberapa tahun? Selepas itu habis!

Jadi, ambillah yang ini semua, pastikan setiap pekerja itu diberi perlindungan yang sebaik-baiknya supaya mereka ini berterima kasih juga kepada Kerajaan. Sekarang syarikat-syarikat kata, "Tak boleh salahkan kita, kena salahkan Kerajaan, Kerajaan tak buat undang-undang!" Sekarang Kerajaan sudah buat undang-undang, kita kunci balik syarikat-syarikat ini dan pihak Kementerian Sumber Manusia ini kena buat kerja lebih sedikit. Tak apa, kerja lebih pun tak apa, pahala dapat! Kita dapat pahala, anak-anak depa akan doa, keluarga depa doa—baguslah Kementerian Sumber Manusia membuat pindaan Akta ini, bagus untuk depa.

Jadi setakat itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kementerian akan dapat meneruskan lagi tanggungjawab mereka memastikan setiap pekerja sama ada dengan Kerajaan, dengan swasta yang berada di tanah air kita ini, satu hari akan berterima kasih dan bersyukur kepada Kerajaan, bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana inilah Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang mengambil tahu tentang rakyatnya. Kerajaan yang tak selalu dok komplek, tetapi menjalankan tanggungjawabnya.

Barisan Nasional dia tak reti nak komplek, tak reti nak kata-mengata, dia buat sahaja. Jadi inilah tugas kita dan insya Allah, kalau kita menyayangi pekerja-pekerja, kita mengingati

mereka, maka mereka juga manusia macam kita akan mengingati dan menyayangi kita.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Arau.

4.40 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan kawan-kawan ingin membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993.

Sebelum itu, saya ingin mendapat sedikit penjelasan sebab saya sudah baca di sini, tetapi saya masih ingat, mungkin di Parlimen ataupun saya terbaca di mana-mana; adakah pekerja asing termasuk di dalam ini? Ramai kawan-kawan bercakap tadi minta masukkan pekerja asing. Saya tengok Jadual yang telah diberi—dalam Jadual Pertama ini ia termasuk semua.

Jadi sebelum saya teruskan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, saya bersetuju dengan sahabat saya yang bercakap tadi sebab penekanan yang kita berikan sekarang ini ialah kepada kilang-kilang. Bagaimana pihak Kementerian ingin mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat? Di sini ia termasuk pertanian. Saya beri contoh, walaupun kadang-kadang ada petani-petani yang agak kaya sedikit, katakan dia membeli satu atau dua biji combined harvester ataupun dua atau tiga biji traktor; kadang-kadang dia masuk di bawah syarikat ataupun di atas namanya sendiri, bukan syarikat. Mereka ini akan mendapatkan pemandu-pemandu. Saya bersetuju tadi—mereka ini ada pemandu-pemandu dan kita dapati pemandu-pemandu ini terdedah kepada perkara-perkara yang boleh menyebabkan kemalangan.

Jadi, adakah SOCSO atau Akta ini boleh memasuki bersama bagi kategori yang saya sebutkan syarikat yang telah pun dimasukkan di bawah Jadual Pertama tadi? Ini bukan sahaja pertanian, saya ingat construction tidak ada masalah, tetapi pertanian. Yang ini ada masalah dan kita tengok banyak kemalangan-kemalangan yang berlaku terutamanya dalam kawasan MADA yang hanya diselesaikan bila mereka pergi ke hospital dan selepas itu mereka tidak ada apa-apa sebab tuan punya tidak mengambil insurans, tuan punya tidak ada insurans dan kadang-kadang kita tahu bahawa kenderaan-kenderaan itu adalah kenderaan-kenderaan yang tidak dibayar cukai jalan dan sebagainya. Dia itu habis macam itu sahaja! Jadi bagaimana Akta ini boleh memasuki bersama?

Bersabit dengan ini, saya lihat pada keseluruhannya bila kita baca, kita dapati penekanan yang telah diberikan dalam Akta ini daripada awal sampai penghabis, ia banyak memberi penekanan kepada penalties. Tetapi penguatkuasaan—saya rasa ini yang paling penting sekali. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat sebab sebenarnya kita hendak puji Akta ini sekarang, sekurang-kurangnya setelah kita tunggu begitu lama, sekarang Akta ini muncul. Walaupun kemunculannya Yang Berhormat tahu, seperti kemunculan Aladin dengan lampu ajaib. Aladin buat-buat macam itu, dapat istana ataupun dapat puteri jelita dan sebagainya! Demikian juga Akta ini, tiba-tiba muncul! Siapa pun tak tahu. Ahli Parlimen pun dapat semalam; unions yang menjerit-jerit pun saya tak dengar mereka bercerita fasal perkara ini, malah mereka terkejut! Saya bukan hendak sokong unions, tetapi untuk perkara ini saya rasa unions patut juga beri pandangan dan kita semua juga patut beri pandangan.

Sebab apa Yang Berhormat? Kita ada 7.8 juta pekerja di Malaysia—7.8 juta tenaga pekerja di Malaysia—yang menghabiskan satu pertiga hidupnya di tempat pekerjaan. Kalau Wakil Rakyat, mungkin—saya tak tahu PAS, tetapi Barisan Nasional setengah daripada hidupnya kepada pekerjaan. Dalam banyak hal saya ingat dua pertiga daripada hidupnya kepada pekerjaan. Tetapi tenaga kita ambil kepada orang yang telah memberi sumbangan yang besar kepada negara, memberi satu pertiga hidupnya kepada tempat kerja.

Jadi ini sebab saya rasa patut semua pihak beri sumbangan. Jangan jadi kes Aladin dengan lampu ajaib; tiba-tiba sahaja muncul! Yang Berhormat tahu, semua tahu, saya dan kawan-kawan telah timbulkan perkara ini banyak kali dan saya tahu pegawai-pegawai SOCSO mengatakan seolah-olahnya kita ini mendapat maklumat daripada kalangan-kalangan tertentu supaya bertanya soalan ini kepada SOCSO. Kalau pun kita dapat maklumat, apa salahnya kita bertanya, sebab kita tak tahu! Tetapi SOCSO lebih banyak menyembunyikan diri, merahsia dan sebagainya, tiba-tiba muncul Akta yang sekurang-kurangnya kita rasa boleh memberi perlindungan kepada pekerja.

Tetapi soalan saya, mengapa soal penguatkuasaan tidak diberi penekanan lebih daripada penalties? Penalties itu apa dia Yang Berhormat? Penalties ini apabila orang buat salah, kita hukum. Adalah bagus kalau orang itu sebelum dia buat salah kita tak payah beri hukum. Jadi, untuk itu, kita buat penguatkuasaan dahulu supaya tak berlaku kesalahan. Jangan kita seronok bila orang buat salah kita hendak hukum. Kita mesti seronok supaya orang itu tidak buat salah dan kita tidak hukum!

Jadi Akta ini sebenarnya hendak beri orang seronok supaya orang bersalah kita hukum! Tetapi penekanan kepada penguatkuasaan, saya ingat kurang. Saya beri contoh Yang Berhormat. Ini cukup—kenyataan-kenyataan akhbar cukup. Saya pun sekali-sekala terlintas juga sebab SOCSO ini kadang-kadang dia masukkan di akhbar dalam column kecil-kecil sahaja. Tetapi kecil pun, ini patut diberi perhatian.

Yang Berhormat pun tahu, banyak kes-kes yang melibatkan sampai 3 atau 4 tahun. Kes tahun 1985, ini kes derebar—Sithambaram Pillai. Yang Berhormat pun tahu, umurnya 40 tahun, sampai sekarang umurnya 42 tahun. Dia saman SOCSO; SOCSO pula dengan megahnya mengatakan, “Oh, kami tak terima saman!” Semasa orang hendak bekerja, dia ketuk kepada majikan suruh bayar duit, bila pekerja dapat kemalangan dan sebagainya—tahun 1985 sampai sekarang Yang Berhormat! Ini satu kes.

Ada lagi satu kes di Johor Bahru, daripada tahun 1987 sampai sekarang. Kes tangan retak, untuk dapatkan kasut, dia bayar RM50, kes itu sampai sekarang tak selesai! Ini saya hendak tunjukkan, semasa belum ada Akta ini, semasa semua pihak memberi penekanan atau pertanyaan kepada SOCSO, kes yang macam ini terjadi. Adakah Yang Berhormat boleh jamin kepada saya dengan Akta ini, Yang Berhormat boleh selesaikan kes semacam ini? Boleh jamin ataupun tidak?

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Lebih-lebih lagi yang memeningkan kepala saya, Akta-akta lain kita baca di hadapan ini, semua Akta-akta lain yang sudah kita baca—saya sudah

menjadi Ahli Parlimen banyak kali, tiap-tiap Akta ia tak pernah menyebut pun satu patah perkataan. Tiap-tiap Akta yang kita bacakan menyebut, “Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan sebarang perbelanjaan”. Tetapi Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan. Berapa? Kita tak tahu. Yang kita diberitahu secara rambang bahawa Akta ini akan menyebabkan perbelanjaan yang besar.

Sebab saya tidak dapat baca laporan yang SOCSO beri, saya tengok ia beri jumlah accident 1982. Tetapi jumlah kemalangan 1982 hanya untuk satu pertiga rakyat Malaysia. Dua-pertiga daripada rakyat Malaysia yang lain yang tidak di cover oleh SOCSO tidak masuk. Jadi, jumlah perbelanjaan besar. Saya hanya mendapat report daripada suratkhbar-suratkhbar dan juga laporan yang telah dikeluarkan oleh satu syarikat yang SOCSO cukup benci, walaupun mereka ini membuat kajian yang begitu mendalam di negara luar yang kita dapati cukup berkesan dari segi memberi perlindungan kepada pekerja. Saya tengok laporan-laporan yang telah mereka bagi memberi sumbangan kepada saya untuk bercakap pada hari ini. Jadi, pegawai-pegawai SOCSO jangan berahsia. Jangan berahsia! Oleh kerana kita sudah berahsia untuk mengeluarkan Akta ini, kita mahu mereka juga tidak berahsia apabila melaksanakan Akta ini.

Kaunsel ini—untuk apa kaunsel ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Majlis Keselamatan ini untuk apa? Untuk mempercepatkan ataupun untuk melambatkan? Sebab kita ada banyak Majlis Yang Berhormat. Kita jangan ingat bila tubuhkan Majlis ini boleh selesaikan masalah. Banyak Majlis kita buat

sebenarnya menambahkan masalah. Ada Majlis boleh mempercepat menyelesaikan masalah. Jadi, perhatian khusus yang patut diberikan ialah dari segi penguatkuasaan. Majlis ini dia boleh buat apa. Majlis bermesyuarat sebulan sekali ataupun dua bulan sekali dan sebagainya. Tetapi masih tidak dapat sampai ke akar umbi untuk menyelesaikan masalah pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya saya hendak minta supaya pihak SOCSO mesti terbuka sedikit. Mana-mana bahagian yang SOCSO tidak mampu—berbincanglah. Dahulu saya cadangkan supaya sekiranya pekerja asing SOCSO tidak boleh cover, sebab pekerja tempatan pun SOCSO tidak boleh cover, saya rasa buat sesuatu. Tubuhkan Lembaga lagi satu. Saya hendak cadangkan di sini kalau SOCSO tidak mampu untuk hendak jaga yang ini, SOCSO tubuhkan SOCSO kedua—SOCSO kedua untuk pekerja asing. Senang cerita. Sebab yang ada sekarang ini pun SOCSO sudah pening kepala dan macam-macam yang telah ditimbulkan oleh kawan-kawan. Dan saya nampak dan saya berani katakan Yang Berhormat bahawa penguatkuasaan akan menimbulkan masalah. Jadi, saya minta dan saya ulang balik, saya sudah ulang hari itu, saya sudah sebut dulu dalam ucapan saya yang lepas, saya minta ditubuhkan SOCSO lagi satu. Saya tidak mahu beri nama, saya tidak tahu untuk beri nama pun. Terpujang kepada Kementerian supaya untuk pekerja-pekerja asing ini supaya memudahkan kita menjalankan kerja di bawah undang-undang yang sama tetapi ditadbirkan oleh SOCSO yang kedua supaya SOCSO yang ada sekarang ini dapat menyelesaikan masalah-masalah tertunggak. Masalah bukan banyak. Masalah RM50 pun,

masalah RM1,000 dan sebagainya mesti pergi ke mahkamah dan pegawai-pegawai SOCSO pula payah dan sebagainya.

Jadi, saya sebut contohnya macam kes semalam, kejadian semalam. Mungkin itu sebab pekerja Indonesia. Saya tidak tahulah sebab saya pun setuju dengan kawan-kawan, kita tidak boleh adakan second class pekerja, third class pekerja dan sebagainya. Apa pun terjadi di Malaysia ini saya tidak pernah nampak Pegawai SOCSO sampai dulu. Yang sampai Wakil Rakyat ataupun Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Padahal Pegawai Kebajikan bukan ada diberi sumbangan. Adakah pekerja beri sumbangan kepada Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat—sebulan RM5. Tidak ada! Adakah pekerja-pekerja beri sumbangan RM5 kepada Tabung Wakil Rakyat? Tidak ada! Tetapi pekerja-pekerja beri sumbangan kepada SOCSO. Sekurang-kurangnya kalau Menteri melawat kita hendak tengok seorang Pegawai SOCSO. Siapakah Ketua Pengarahnya? Sebagai contohnya, duduk di belakang. “Yang Berhormat, ini Pegawai SOCSO hadir”. Tetapi kita akan nampak Wakil Rakyat, Pegawai Kebajikan dan orang yang pertama sekali yang perlu beri sumbangan ialah Wakil Rakyat, nombor dua Jabatan Kebajikan Masyarakat. Wakil Rakyat terpaksa berilah walau bagaimanapun, sebab itu hidup dan mati kita. Tetapi yang SOCSO tadi mana. Sekurang-kurangnya SOCSO pergi ke hadapan. Runtuh sahaja bangunan, SOCSO dan Polis sampai supaya SOCSO juga sebagai agen insurans. Mereka juga buat kajian serta-merta. Kalau semua hendak tunggu Polis buat kajian, baru SOCSO hendak sahkan. Saya pun tidak pasti, itu sebab saya hendak beri penekanan fasal enforcement. Untuk

hendak buat penyiasatan (investigation) ini, mesti tunggu Poliskah? Ataupun Pegawai SOCSO sendiri buat siasatan. Demikian juga insurans. Insurans tidak payah tunggu Polis. Ia sendiri buat penilaian mengenai kenderaan. Jadi, itu yang saya maksudkan supaya SOCSO tampil ke hadapan. Kalau tidak, tidak payah tubuh SOCSO. Kalau tidak saya cadangkan supaya pekerja-pekerja boleh tubuh tabung masing-masing, sebab ini penting dan SOCSO mempunyai wang yang begitu banyak yang harus mereka buat sesuatu.

Baru-baru ini kita tengok Yang Berhormat sendiri ataupun mungkin Menteri, kita marah kepada pihak private sectors dan pihak korporat yang mengaut keuntungan yang begitu besar tetapi sumbangan sosial kurang. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, wang SOCSO yang begitu banyak—saya tidak pasti angkanya. Tetapi kalau mengikut Yang Berhormat cakap saya ingat mungkin di antara setengah bilion kepada satu bilion. Wang SOCSO ini yang telah pun dilabur di banyak tempat dan dapat keuntungan, yang lebih itu beri pada siapa? Apa sumbangan sosial SOCSO kepada masyarakat pekerja? Tidak payah orang lain. Kita marah sebab pihak korporat labur—untung—tidak beri sumbangan sosial tetapi SOCSO sendiri melabur. Apa sumbangan sosial SOCSO pula? Di mana duit interest dan sebagainya itu pergi ke mana? Itu tidak apalah, kita boleh fikir kemudian tetapi yang penting masalah pekerja itu mesti menjadi perkara utama yang harus diberi perhatian oleh pihak SOCSO dan oleh kerana Akta ini walau bagaimanapun, datang macam mana pun, datang macam “hantu”kah, apakah, mesti kita akan lulus. Terpaksa lulus! Jadi kita minta kepada Yang

Berhormat supaya Council/Majlis yang ada ini, itu sahaja tempat yang kita boleh selesai masalah dan tumpang beri sumbangan sebab bila Akta ini sudah selesai, SOCSO akan ambil ini sebagai SOCSO kepunyaan SOCSO dan kita Wakil Rakyat ini hendak tunggu Penggal Parlimen boleh menyuarakan pendapat—lambat. Council ini mesti dilibatkan semua pihak supaya semua pihak dapat memberi sumbangan. Itu secara keseluruhan komen saya pasal Akta ini dan juga masalah pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kawan-kawan tadi bahawa sebenarnya kita tidak perlu trade union. Bagi saya itu bukan satu keperluan utama. Sebab yang patut menjadi hero pekerja bukan trade union. Yang hero pekerja ialah pekerja sendiri. Sekurang-kurangnya sekarang ini kita bersyukur sebab kita mendapat syarat baru, hanya pekerja sahaja yang boleh memegang jawatan. Kita tidak mahu Wakil Bayan Baru yang jadi Ahli Parlimen, jadi pemimpin trade union sebab dia lebih banyak membuat kacau daripada memberi sumbangan. Supaya hero kepada pekerja itu ialah pekerja sendiri, tidak perlu orang lain. Kita beri sumbangan untuk hendak pastikan supaya mereka itu mendapat keadilan. Cukup! Sistem komunis saya tidak mahu sebutlah tetapi sekurang-kurangnya ada disebut, hero pekerja itu pekerja sendirilah. Tetapi tidak perlu disebut itu, tetapi hendak ambil contoh sahaja, hendak tunjukkan bahawa hero kepada pekerja adalah pekerja sendiri dan saya bersetuju in-house union. . . .

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji

Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Baru tadi Yang Berhormat Arau mengatakan bahawa pekerja tidak memerlukan persatuan. Pekerja boleh membelakan diri mereka dengan tidak berpersatuan. Adakah ini bermakna pemimpin-pemimpin kesatuan ini yang mereka ini memerlukan pekerja untuk kepentingan mereka sahaja? Mendapat gaji yang besar, menggunakan pekerja-pekerja untuk meningkatkan kepentingan sempit mereka. Adakah ini benar?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya correct balik. Sebenarnya pekerja of course memerlukan persatuan. tidak perlulah persatuan besar-besar. In-house union sudah mencukupi. Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, sebenarnya kewujudan union yang besar ini, in-house union itu okay sebab lagi kecil lagi bagus, lagi berkesan. Itu sebab kita ada JKK yang sekarang ini boleh memerintah negara—Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Tetapi Kelantan tubuh satu lagi “JKK—Jawatankuasa Kacau Kampung”. Yang Semangat 46 buat dengan PAS ini “Jawatankuasa Kacau Kampung”. Itu betul! Saya setuju dia tubuh, tetapi yang Barisan Nasional buat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Lagi kecil lagi bagus. Macam di FELDA dipanggil JKKR (Jawatankuasa Kerja Rancangan). Ia sepuluh—sepuluh-sepuluh. Itu lagi bagus. Demikian juga untuk in-house union. Tiap-tiap satu boleh menyelesaikan masalah mereka dengan cepat.

Tidak perlu mereka bergabung dengan pemimpin-pemimpin yang sebenarnya mengeksploitasi pekerja untuk kepentingan mereka. Kita tidak dapat nafikan sebab kita lihat dahulu,

dua tiga kali kita nyaris-nyaris tewas dengan perbuatan mereka mengenai GSP.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila hitung kuorum.

(*Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 35 orang, cukup kuorum. Arau sila sambung.

Tuan Shahidan bin Kasim: Saya harap saya boleh buat perjanjian dengan Ketua Pembangkang dekat luar pasal tolonglah beri tolak-ansur sedikit mengenai kuorum sebab UMNO ada masalah sedikit. Jadi, janganlah panggil kuorum selalu sebab ini boleh menimbulkan ketegangan jiwa.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu telah mengakui tidak ada whip, tidak ada “kepala“, bolehlah. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita sudah ada surat perlantikan. Timbalan Ketua Whip ialah Menteri Undang-undang. Ketua Whip ialah Tuan Ghafar. Saya anak Whip. (*Ketawa*) Kalau Ketua atau Timbalan tidak ada, anak Whip ada. Dalam anak Whip ini, sayalah Chief. (*Ketawa*) Saya ingat

orang clear, no problem. Tetapi saya hendak berdamai dengan Yang Berhormat sebab sampai 4hb. November, tolong jangan beri kuorum. Saya sanggup bertolak-ansur untuk perkara-perkara tertentu. Jangan masuk suratkhbar, tabik.

Tuan Yang di-Pertua, hero pekerja adalah pekerja sendiri, bukan trade union, bukan Ahmad Nor, bukan Bayan Baru. Kita mahu pekerja sendiri. Jadi, kita bersetuju dengan in-house union dan sebagainya. Okay, saya hendak sampai ke peringkat penghabisan sebab sahabat saya wakil Nilam Puri yang juga pengasas kepada 'Jawatankuasa Kacau Kampung' untuk bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, ini fasal masalah sosial yang berlaku sekarang. Saya tengok dan kita semua baca, ini mengharu hati dan perasaan, menyayat hati rakyat Malaysia. DAP, Semangat 46, PAS, UMNO tidak kira. Apabila kita lihat orang-orang yang terlibat dengan buang anak, mendera anak-anak dan sebagainya. apakah masalah sosial ini harus diselesaikan oleh Kerajaan? Sebenarnya, masalah sosial ini mesti diselesaikan oleh semua pihak dan tanggungjawabnya ialah atas semua individu yang bernama rakyat Malaysia.

Tetapi hal ini saya hendak beri penekanan kepada tauke-tauke kilang dan majikan. Majikan patut tahu. Di zaman dahulu di masa kita di peringkat awal 80-an atau akhir 70-an, sekarang sudah tidak terjadi, majikan-majikan menggunakan pekerja-pekerja terutamanya majikan-majikan luar untuk entertainment, untuk mereka berseronok-seronok. Pekerja-pekerja wanita atau Minah Karan ini sebenarnya cerita lama. Jadi, masalah sosial ini diwujudkan oleh pengurusan sendiri.

Saya tahu mereka berseronok, masa ada party dan sebagainya, dahulu pun kita tengok, sekarang pun ada lagi. Ratu Cantik daripada kilang mana dan sebagainya, jadi terlibat banyak pihak. Yang sebenarnya masalah sosial wujud di situ sendiri, di kilang berkenaan. Jadi, masalah sosial ini, pihak majikan, pihak personnel daripada kilang yang berkenaan mesti mengambil tahu yang mana pekerja sudah berkahwin, yang mana belum berkahwin dan sebagainya. Jadi, bila buang anak, Kerajaan bertanggungjawab. Bila buang anak, Kerajaan bertanggungjawab, pekerja dok tengok. Tetapi kita baca laporan kebanyakannya terlibat pekerja-pekerja kilang dan juga pekerja asing. SOCSO tidak perlulah sebab enforcementnya tidak begitu kuat lagi. Dia perlu mengambil masa, council pun tidak tubuh lagi, cuma dia dapat kutip duit sahaja, dia belum dapat buat kerja lagi. Tetapi majikan ini yang kita hendak beri penekanan supaya masalah sosial ini pihak majikan sendiri yang mengambil tahu.

Sekarang ini saya bersetuju pekerja wanita ramai di semua tempat. Tetapi bukan wanita yang menyebabkan masalah sosial. Wanita ini kita tahu dan kita sedia maklum wanitalah. Tetapi bukan mereka penyebab kepada masalah sosial, bukan mereka. Sebagai orang lelaki kita tahu, orang jantan semua tahu. Lelaki tahu bahawa penyebab masalah sosial kebanyakannya lebih kurang sama tetapi banyak daripada lelaki. Tetapi saya menekankan kepada pengurusan syarikat-syarikat berkenaan supaya mereka sendiri tumpang mengambil tahu sama ataupun mereka tumpang sama yang menyebabkan timbul pembuangan anak dan sebagainya, kita tidak pasti. Tetapi yang kita minta supaya mereka terlibat sama. Apakah

boleh, oleh kerana mereka telah untung supaya skim latihan, bukan hanya untuk peringkat pengurusan tetapi diberikan juga kepada peringkat pekerjaan?

Saya tertarik dengan kawan saya mengatakan tadi mengenai PERWAJA sebuah syarikat tempatan. Walaupun kita look east, memuji Jepun dan Korea pada masa yang lepas, sekarang ini syarikat tempatan sendiri telah menunjukkan bukti dan contoh yang baik, yang mereka bukan sahaja mampu untuk membuat keuntungan. PERWAJA bukan sahaja mampu untuk membuat keuntungan, tetapi mampu untuk menjaga masalah sosial pekerja-pekerja termasuk juga PROTON. Ini syarikat tempatan, kita boleh buat, kita mesti tunjuk contoh.

Saya minta betul dan saya bersetuju supaya SOCSO sendiri sebab enforcement mereka ada, SOCSO sendiri mengadakan. Jadi, kebajikan SOCSO ini dekat mana? SOCSO ditubuhkan di dalam Akta ini ialah untuk melihat soal-soal kesihatan dan kebajikan bagi orang yang sedang bekerja. Kebajikan dalam bentuk mana? Adakah kebajikan hanya setakat beri pampasan? Kebajikan itu bermula daripada sebelum mereka mendapat kemalangan dan selepas mereka mendapat kemalangan. Kut saya terlupa, bagi mereka yang bekerja di tempat-tempat yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan seperti tempat-tempat membuat gas dan sebagainya. Mereka itu sepuluh tahun baru tahu dia mendapat kecederaan dan sebagainya. "Dr. Farid" tahu. "Doktorlah", sebab dia selalu bercakap fasal AIDS dan sebagainya. Orang tidak bercakap, dia seorang sahaja. (*Ketawa*) Jadi, "Dr. Farid" dia tahu. Kadang-kadang kita bekerja di satu tempat, sepuluh tahun

baru kita tahu ataupun mungkin lima tahun, di mana penglibatan SOCSO. Bagi kilang-kilang yang kita anggap mempunyai risiko kepada kesihatannya tinggi. SOCSO hendak buat macam mana? Adakah kategori SOCSO di sini? Mereka yang bekerja di PROTON dan sebagainya, ini dia sumbangannya. Tetapi mereka yang bekerja di kilang chemical, sumbangan dia banyak ini. Adakah kita masuk yang ini Yang Berhormat? Yang Berhormat masukkan ini berdasarkan gaji pekerja dan juga sumbangan majikan. Yang Berhormat anggu sedikit supaya senang saya bercakap. Lebih kurang macam itulah, macam EPF saya anggap, sebab saya tidak pernah beri sumbangan SOCSO. Kalau saya beri sumbangan, saya seronok juga. Sumbangan majikan, walaupun sumbangan pekerja-pekerja katalah gajinya RM500 atau RM1,000, dia beri sumbangan katakan 2%. Tetapi bagi majikan yang tempat bekerjanya kita anggap boleh membahayakan kepada kesihatan, sumbangannya mesti lebih supaya SOCSO dapat melihat masalah mereka selepas mereka berhenti bekerja. Macam orang bekerja di Unit Tenaga Nuklear (ATOM), ini sudah dibuat atau belum lagi? Pusat Nuklear kita, sudah buat. Tidak payahlah itu Government. Contohnya di kilang kayu cukuplah—tidak payah banyak, kilang kayu cukup, kilang membuat plywood. Sebab bau gam dan juga serbuk-serbuk itu boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan dan juga kilang yang membuat asbestos, ceiling dan sebagainya.

Mengenai kilang-kilang ini bolehlah Yang Berhormat tetapkan, sebab sumbangan mereka ini beratus kali ganda atau seribu kali ganda daripada sumbangan pekerja di bidang construction yang berbahaya seperti yang

berlaku insiden pada hari semalam. Sebagai contoh katakan bangunan 6 storey yang runtuh mengapa menjadi begini? Dahulu berlaku di Thailand, kita kata Thailand tidak guna semua dan sebagainya. Perdana Menteri dia mengatakan oleh kerana ada rasuah di Thailand menyebabkan bangunannya runtuh dan sebagainya.

Sekarang kita di Malaysia tidak ada rasuah. Kita memang tidak ada rasuah, tetapi sudah dua kali bangunan runtuh. Apa yang terjadi di Malaysia? Di Cheras berlaku sekali sebab DAP tahu Malaysia memang tidak ada rasuah—clear, clean. Agensi kita kuat. Di Thailand, Perdana Menteri sendiri kata mungkin ada rasuah, bangunan runtuh, tetapi di Malaysia tidak ada rasuah bangunan runtuh juga. Kejadian runtuh ini tidak patut berlaku di Malaysia, sebab negara kita begitu sophisticated, membangun tiba-tiba bangunan 6 tingkat boleh runtuh.

Saya sudah pening kepala apabila naik 38 tingkat, kadang-kadang terasa bila bangunan ini hendak runtuh, saya tidak hendak menjadi salah seorang daripada mereka, masing-masing ingat macam itu. Jadi, Yang Berhormat beri syarat, kalau hendak membuat bangunan setinggi 38 tingkat sumbangan SOCSO banyak mana? Ataupun bangunan itu bila dia naik 6 tingkat ke atas, berapa sumbangan, dia patut macam itu. SOCSO kena fikir perkara ini. Sebab kita tahu apabila dia naik 38 tingkat risikonya tinggi, jika dibandingkan dengan satu tingkat. Risikonya ialah mati cepat, kalau 38 tingkat dia mati, 1 tingkat dia patah kaki, patah kaki—bayar kurang, mati bayar banyak. Jadi SOCSO pun tidak rugi, pekerja tidak rugi, majikan pun seronok, sekurang-kurangnya diapun

tidak pening kepala. Dia kata ini 38 tingkat hendak buat macam mana? Adakah SOCSO buat macam itu, belum? Sebab apa SOCSO dia amat berahsia, dia rasa dia yang terbaik, orang hendak tegur tidak boleh.

Saya tidak mahu kata siapa, pegawai-pegawai SOCSO ini bagus buat kerja dan sebagainya, saya tahulah. Tetapi ada dua tiga kes yang saya rasa pihak pengurusan tinggi tolong beri perhatian, jangan berahsia, teguran daripada mana-mana pihak hendaklah diambil perhatian. Kalau sekiranya SOCSO tidak mampu, walaupun ada Rang Undang-undang ini, hendaklah difikirkan SOCSO II, sebab kita tidak mahu masalah pekerja ini tidak diberi perhatian.

Saya hendak balik kepada masalah sosial tadi, saya belum habis, panjang lagi (**kepada Y.B. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed**). Saya hendak menyatakan ini termasuk Wakil Rakyat PAS, S46 dan sebagainya, kalau jadi Wakil Rakyat, orang panggil 'Yang Berhormat'. Kadang-kadang ada kawan saya dahulu wakil PAS tidak panggil 'Yang Berhormat' marah bukan main, muka turun 14, marah sebab orang tidak panggil dia 'Yang Berhormat'. Kalau dia 'Dato', dia marah kalau orang tidak panggil 'Dato'. Tetapi pekerja ini di samping kita beri gelaran-gelaran yang boleh menjatuhkan mertabat mereka sebagai manusia, seperti pekerja kilang dan sebagainya, cuba beri satu jenama baru yang lebih baik.

Saya lebih suka kalau ada majlis-majlis kita panggil wakil 'Yang Kuat' ataupun 'Yang Kuat Bekerja' (YKB), mengapa 'Y.B.' sahaja yang mendapat gelaran. Apa beza 'Y.B.' dengan pekerja ini, sama juga, Y.Bkah, Rajakah, Perdana Menteri, Lim Kit

Siangkah atau siapakah, mati masuk dalam tanah juga, tidak ada pula mati.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan sebut nama ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini tidak ada apa, sebab ini contoh sahaja, bukan mengata, kalau mengata tidak apa, ini cerita atau contoh, tidak apa. Saya sebutkan nama ini bukan saya tujukan dia sebagai Wakil Rakyat. Saya sebut nama.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tak elok juga.

Tuan Shahidan bin Kassim: Mungkin ada 2-3 orang nama Lim Kit Siang belakang ataupun nama Ong Tee Keat di belakang mana tahu, kita tidak tahu. Kita sebut nama bukan pada Ahli Parlimen. Saya hendak beritahu Wakil Rakyat mati masuk dalam tanah juga. Kita mengatakan di India ada kelas (kasta) dan sebagainya, tetapi kita ini kasta moden lagi hebat. Pekerja-pekerja berilah jenama baru, bagi pekerja-pekerja kilang. Ini trade union tidur, yang dia tahu masalah pekerja sahaja, tetapi orang mengatakan ini pekerja kilang, sebutlah pekerja lain, nama-nama yang tidak boleh mengkategorikan mereka ini seolah-olah tidak sama dengan kita. Apakah kita ada duit banyak, kita megah, kita boleh beri duit kepada dia? Dia tidak hairan, walaupun dia macam itu, dia tidak meminta duit dari kita. Kemegahan itu bukan terletak pada apa yang kita ada, kemegahan itu terletak kepada wibawa diri, hati, jiwa nurani dan semua ini mesti dipertanggungjawabkan di pihak majikan, tauke-tauke kilang sendiri, pastikan supaya bahagian latihan mereka, bahagian-bahagian yang

terbabit untuk menjaga pekerja supaya memberi sesuatu yang boleh menjamin masalah sosial, masalah masa depan mereka dan pihak Kerajaan.

Saya hendak cabar trade union, sebab trade union ini dia selalu tidak mahu manaikkan nama pekerja itu supaya pekerja itu rendah daripada dia, jadi dia dapat menjadi 'hero' 24 jam. Dia mengatakan "kami wakil pekerja yang menyangkul dan sebagainya". Pada hal dia sendiri gajinya RM8,000-RM10,000, pekerja tidak tahu. Kita mahu trade union buktikan, naikkah taraf bukan dari segi duit, dari segi maruah, nama mereka. Walaupun orang kata nama Shahidan dengan nama Mahathir berlainan sedikit. Dahulu saya kalau boleh mahu tukar nama menjadi Mahathir, tetapi kita tidak mahulah ada perbezaan ataupun nama Shahidan dengan nama Ahmad Nor. Walaupun saya rasa dia terlebih sedikit, saya tidak mahu, biar saya sama dengan Ahmad Nor, dan Ahmad Nor pula janganlah dia menyombong kata dia 'hero' pekerja. Saya pun hero pekerja sebab sekarang ini saya memperjuangkan hak pekerja. Bagaimana kita hendak buat kan supaya taraf, jenama pekerja, pekerja kilang, mat skru drebar, pekerja bengkel, dibuat macam itu, sebab di luar negara keadaannya lain. Dahulu memang bagus, kalau kita pergi ke luar negeri, orang-orang yang bekerja buruh itu kadang-kadang gajinya lebih tinggi daripada Kerani, sekarang ini negara yang kita sebut, kita banggakan sudah menjadi kelam-kabut. Ini Timbalan Whip sudah masuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cabar trade union sudah sampai masanya di samping mereka memperjuangkan masalah kebajikan dan sebagainya, mereka juga mesti memperjuangkan masalah maruah, dari

segi nama, sebab kita ini belum lagi sampai, kalau orang boleh berjalan dengan megah, tetapi kalau orang sebut pekerja kilang itu, dia ada kurang sedikit orang nampak. Kita tidak mahu macam itu, sebut sahaja pekerja kilang—begini, dalam kilang-kilang pula ada kategorinya. Kalau PERWAJA, walaupun dia bekerja memasang skru, dia ada lain sedikit ataupun daripada Proton, sebab dia mendapat publisiti pertolongan daripada Kerajaan, topinya bagus, uniformnya bagus. Pada hal di setengah tempat gajinya sama, pekerja kilang elektronik gajinya sama dengan Proton, tetapi tidak dapat jenama dan juga ketinggian. Itu yang trade union patut buat.

Sebenarnya bukan gaji sahaja yang boleh menyeronokkan orang, banyak benda macam Pak Wan, bukan duit sahaja yang boleh menyeronokkannya, banyak benda-benda yang lain, duit mungkin boleh merungsingkan kepala, sebab terlampau banyak rancangan lagi pening, setakat yang ada cukuplah. Kita jangan anggap ini satu aspek yang menyebabkan orang gembira ialah 'duit'—bukan. Itu yang trade union salah. Dalam manifestonya duit lebih, orang suka—bohong, tidak betul—tidak betul Mat, bacalah buku mana pun, sekarang ini pun kita tahu diri kita sendiri, adakah duit boleh menggembirakan? Ramai kawan-kawan saya banyak duit tetapi berkerut kepala juga, sebab terlampau banyak rancangan dan ditambah lagi banyak hutang, tetapi kita mesti memikirkan perkara-perkara lain yang boleh menyebabkan dia gembira menjadi manusia.

Satu lagi yang hendak diberi penekanan di sini ialah 1/3 atau mungkin lebih daripada yang menghabiskan masa di pejabat atau di

tempat bekerja. Pekerja-pekerja Kerajaan dari pukul 8.00 pagi sampai 5.00 petang di pejabat. Masa dengan suami atau isteri pun kurang, mereka lebih banyak bergaul di pejabat. Jadi, pejabat itu mestilah juga menjadi sebahagian daripada rumahtangga. Bukanlah buat bilik tidur di pejabat—tetapi sebahagian daripada rumah-tangga—supaya suasana itu boleh mententeramkan. Reporters lagi teruk, dari pagi sampai ke petang. Kalau ada suami, dengan suami itu dua tiga jam sahaja tetapi di pejabat itu lebih banyak. Setengah orang bersama suami atau isteri setengah jam sahaja oleh sebab mereka banyak membuat kerja di tempat kerja. Jadi, tempat kerja ini penting.

Dahulu saya pernah sebut bahawa di Jepun saya lihat satu kilang—sekarang kita lebih cantik daripada Jepun—pejabatnya tidak berapa cantik tetapi di luar kilang itu sendiri kita boleh tidur dan sebagainya. Suasana ini mesti diperjuangkan dan di'cover' oleh Akta ini. Sebenarnya, Akta ini sudah cover semua tetapi cuma ia tidak balance di antara penalty dan juga enforcement. Penalty ini saya lihat, SOCSO atau sesiapa juga seronok, kerana boleh denda orang. Tetapi lambat mereka denda—orang lain sudah mati baru kita hendak denda boss sebanyak RM25,000 atau setahun penjara, tetapi kemalangan sudah berlaku. Sekarang ini enforcement atau penguatkuasaan hendaklah pastikan supaya kemalangan tidak berlaku. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Setar.

4.43 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua,

saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyokong Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kerana hari ini kita dapat melihat satu Rang Undang-undang yang akan memperbaiki keadaan pekerja-pekerja di negara kita. Sungguhpun selama ini kita belum sampai ke tahap yang boleh dikatakan maju di mana kita selalu berjumpa keadaan jika seseorang itu jatuh dari motosikal kerana lubang di tengah jalan, dia masih menyalahkan dirinya sendiri. Belum sampai tahap di mana seseorang itu bila terjatuh motosikal kerana lubang di tengah jalan, dia akan menyaman Kerajaan.

Di Amerika, satu masa dahulu Zsa Zsa Gabor menghantar servis keretanya di service station dan selepas dia naik lebih kurang seminggu tayar keretanya terkeluar. Dia saman service station itu berjuta-juta ringgit. Tetapi keadaan negara kita kalau perkara ini berlaku, selepas kita hantar servis dan terkeluar tayar, kalau ada driver di masa itu kita salahkan driver atau kita salahkan diri kita tidak cek. Apabila dibentangkan Akta ini, saya rasa kita telah sampai ke satu tahap untuk hendak menolong pekerja-pekerja di negara kita supaya pekerja-pekerja tidak lagi memikirkan jika ada sesuatu kemalangan yang berlaku, dia akan berkata bahawa ini adalah nasibnya. Kalau terpotong jari, dia sendiri menyalah dirinya mengatakan dia cemerlap ataupun dia lalai. Tetapi sebenarnya, ini adalah kesalahan majikan, kesalahan pegawai-pegawai.

Kalau pada hari ini kita akan lantik Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah, jadi saya berharap dalam lantikan ini Kementerian hendaklah melantik orang-orang yang benar-benar mempunyai semangat untuk hendak membela pekerja. Jangan lantik pegawai atau Ketua Pengarah yang sedap duduk dalam Mercedes atau dalam office yang baik tetapi bila ada sesuatu kemalangan berlaku, pergi berunding dengan pihak majikan dan boleh diselesaikan di luar mahkamah. Yang menjadi mangsa adalah pekerja-pekerja yang miskin.

Barangkali kita belum sampai ataupun belum mencukupi peguam-peguam yang akan membela nasib orang-orang miskin seperti di negara-negara yang maju. Mereka ada banyak peguam yang bila tidak ada kerja seperti untuk sign projek perumahan dan sebagainya, senang-senang duduk di office, sign dan dapat RM500 satu unit. Di negara kita peguam lumayan dengan keadaan itu, jadi tidak ada peguam yang akan pergi untuk menolong. Ada seorang di kawasan saya yang menghadapi masalah dalam kilang. Bila kita pergi berjumpa dia, dia kata ini kesilapan dia, jari dia putus dia kata dia lalai dan selepas itu majikan berilah dia sedikit sebanyak pampasan. Tidak ada pembelaan, tidak ada peguam yang pergi untuk hendak membela, sebab dia tahu kalau hendak bela kes ini lambat dapat duit. Ini berlaku dalam negara kita.

Saya berharap dengan adanya Akta ini pekerja-pekerja kita akan sedar bahawa kemalangan-kemalangan yang akan berlaku di kilang ataupun di tempat-tempat kerja, maka itu bukan kesalahan dia.

Di Majlis Bandaran atau Majlis Bandaraya misalnya, orang-orang mengangkat sampah tidak mempunyai

syarat-syarat atau cara-cara yang betul. Mengangkat sampah adalah satu perkara yang busuk tetapi mereka boleh tahan, oleh sebab itu adalah satu pekerjaan untuk mereka mencari makan. Tetapi pihak majikan tidak memberi sarung tangan yang baik, pakaian yang lengkap, alat menutup hidung mereka. Apabila mereka bekerja bertahun-tahun dan mereka sakit, mereka akan menyalahkan diri mereka sendiri. Saya harap perkara-perkara yang semacam ini dapat diberi perhatian oleh Kementerian supaya majikan-majikan dapat menyediakan perkara-perkara seperti ini dengan tidak berat sebelah kepada majikan tetapi banyak menyebelahi sebelah pekerja-pekerja, terutamanya pekerja-pekerja yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu berhubung dengan pekerja-pekerja yang bekerja di kilang-kilang yang kita wujudkan untuk kemajuan negara kita. Banyak pemuda-pemuda kita yang pergi bekerja di kilang-kilang. Misalnya di Kedah, banyak yang pergi ke Sungai Petani dan Kulim. Kawan-kawan saya pun ada membangkitkan perkara ini iaitu apabila ada pilihan raya, pekerja-pekerja ini tidak diberi hak untuk mengundi. Ada setengah-setengah majikan tidak membenarkan oleh kerana mereka tahu bahawa setengah pekerja itu kuat menyokong Kerajaan, maka tidak dibenarkan. Kalau majikannya tidak menyokong Kerajaan, maka pekerja-pekerja tidak dibenarkan balik untuk mengundi. Saya berharap kalau boleh, pekerja-pekerja ini juga diberi hak untuk balik mengundi apabila sesuatu pilihan raya diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak bertanya kepada Kementerian ini iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut bahawa untuk mewujudkan Rang Undang-undang ini,

banyak negara-negara telah diambil sebagai contoh. Jadi, saya mengucapkan syabas! Tetapi saya juga ingin hendak tahu daripada negara-negara mana, sebab saya banyak juga telah pergi melawat beberapa negara untuk melihat keadaan buruh-buruh ataupun pekerja di negara-negara yang maju, ada juga negara yang maju tetapi tidak berapa lengkap.

Jadi, saya ingin hendak tahu daripada negara manakah yang kita mengambil contoh sebagai panduan untuk hendak mewujudkan Akta ini. Sebab kalau negara yang kita lihat seperti di Australia, saya lihat setengah-setengah negeri di Australia, mereka mempunyai satu badan insurans yang menjaga pekerja-pekerjanya.

Jadi, pihak-pihak ini telah melihat supaya sesuatu tempat di sesuatu kilang itu prevention diadakan, dengan izin, untuk mengelak kemalangan dan bukan sahaja untuk mengatasi apabila sesuatu kemalangan telah berlaku. Selepas itu mereka ini ada dengan rancangan-rancangan seperti pemulihan, ganjaran dan lain-lain. Kita harap dengan cara begini, Majlis yang kita akan tubuhkan ini dapat mengatasi perkara-perkara ini bukan sahaja bila selepas kemalangan baru hendak siasat kenapa berlaku, misalnya berlaku di Bandar Baru Damansara semalam, bila telah berlaku baru kita hendak siasat, simen lembabkah pada masa itu, kita mesti adakan expectation kita. Di sesuatu kilang, sebelum sesuatu kemalangan itu berlaku kita mesti gambarkan, mesti mengharap sesuatu perkara supaya kita dapat mengelak kemalangan-kemalangan yang akan memakan jiwa di sesuatu tempat.

Jadi, saya harap perkara-perkara yang seperti ini dapat diberi perhatian oleh Kementerian yang bertanggungjawab supaya dengan wujudnya Akta

ini, kita dapat meletakkan pekerja-pekerja kita di suatu tahap yang lebih baik, lebih maju untuk kita hendak menuju ke Wawasan Perdana Menteri kita, Wawasan 2020 iaitu untuk mencapai suatu tahap negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan sedikit sebanyak yang dapat saya ucapkan ini dapat memberi perhatian kepada Kementerian yang berkenaan. Dan saya juga berharap mudah-mudahan bukan sahaja kita dapat mewujudkan Akta ini, kita juga dapat melaksanakan apa yang terkandung di dalam akta ini dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Telok Kemang. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

4.55 ptg.

Dr. T. Marimuthu (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan untuk menyokong Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah menyediakan dan membentangkan suatu Rang Undang-undang yang begitu menyeluruh dan akan menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja di negara ini.

Rang Undang-undang ini mempunyai 15 Bahagian berkaitan dengan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja. Jadual Ketiga mencatatkan suatu senarai yang hampir sempurna, pekerjaan yang melibatkan risiko khusus kepada kesihatan pekerja seperti penggunaan racun kimia yang berbahaya dan sebagainya. Dalam

Rang Undang-undang ini satu Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat nasional dan suatu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja akan ditubuhkan untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini.

Saya ingin menegaskan bahawa ahli-ahli yang dilantik di dalam Majlis dan Jawatankuasa adalah orang-orang yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam hal menjaga kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1991 sahaja terdapat sebanyak 124,898 kes kemalangan industri dan 778 kematian dan SOCSO telah membayar gantirugi sebanyak RM142 milion. Sebahagian besar daripada ini datangnya daripada sektor perkilangan dan perladangan. Ini menunjukkan pekerja-pekerja dari sektor ini merupakan mereka yang paling terdedah kepada risiko kemalangan. Sektor perindustrian merupakan sektor yang paling utama di dalam menuju ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara industri. Oleh itu, kita mestilah mengambil langkah yang tegas di dalam menjaga keselamatan dan kebajikan para pekerja di negara ini untuk mengurangkan kemalangan selain daripada kewajipan dan tanggungjawab majikan.

Bahagian VI mencatatkan kewajipan tiap-tiap pekerja. Di sini saya ingin menegaskan bahawa penjagaan keselamatan dan kesihatan adalah tanggungjawab dua pihak iaitu majikan dan pekerja. Walaupun syarat-syarat dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk kepentingan pekerja, beberapa Fasal akan menghadapi masalah penguatkuasaan. Sebagai contoh ialah pemakaian gloves, dengan izin dan kasut untuk pekerja-pekerja

estet yang menggunakan racun makhluk perosak dalam pekerjaan mereka.

Sebilangan pekerja itu tidak memakai pakaian yang dicadangkan oleh majikan oleh kerana pakaian itu tidak selesa apabila mereka bekerja ataupun mereka menghadapi yang apa kita katakan "cultural barriers". Jika mereka tidak mematuhi peraturan-peraturan ini mereka akan didenda tidak melebihi RM1,000 ataupun dipenjarakan selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam Rang Undang-undang ini perhatian yang lebih diberi kepada pendekatan yang "punitive" iaitu kita sentiasa menghukumkan ataupun menggunakan dendaan dan pendakwaan sebagai pendekatan tetapi tidak memberi tumpuan yang lebih ke atas pendekatan yang "persuasive" melalui pendidikan, latihan dan kesedaran mengenai isu kesihatan dan keselamatan pekerja.

Saya mencadangkan bahawa Kementerian Sumber Manusia mengadakan suatu kempen secara besar-besaran untuk mendidik pekerja, majikan dan rakyat jelata di negara ini di atas kepentingan kesihatan dan keselamatan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini terdapat banyak kes yang dilaporkan mengenai adanya setengah-setengah majikan yang lebih cenderung mengambil pekerja asing daripada pekerja tempatan untuk bekerja di syarikat mereka. Ini mungkin disebabkan oleh rasa tamak, mementingkan keuntungan tanpa mengambil berat tentang hal kebajikan mereka.

Dengan mengambil pekerja asing ini bekerja, mereka mungkin dapat mengelak dari mencarum ke KWSP

dan PERKESO. Kebanyakan pekerja asing ini tidak tahu mengenai hak mereka sebagai pekerja menyebabkan mereka ditekan dan dieksploitasikan oleh majikan mereka. Di atas sebab keadaan persekitaran tempat bekerja mereka tidak begitu sesuai dan terdedah kepada banyak risiko kemalangan iaitu seperti yang telah berlaku semalam di mana enam orang pekerja asing telah terbunuh.

Walaupun Rang Undang-undang ini tidak membezakan pekerja asing dari pekerja tempatan kita harus peka dan sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh pekerja asing di tempat kerja. Persekitaran kerja yang tidak begitu selesa, ramai pekerja tempatan tidak mahu bekerja di tempat sebegini, dan mereka mencari rezeki di negara-negara yang lebih maju seperti Singapura, Jepun, Taiwan dan Hong Kong yang memberikan persekitaran tempat kerja yang lebih selesa. Masalah ini merupakan salah satu sebab yang menyebabkan kita kehilangan sebanyak 150,000 pekerja mahir yang sekarang bekerja di luar negeri. Sekiranya perkara ini berpanjangan, pakar-pakar ekonomi negara khuatir keuntungan daripada pembangunan negara tidak dapat dirasai dan dinikmati oleh sebahagian besar daripada populasi masyarakat kita, dan ini juga akan "discourage investment of human capital" atau pelaburan ke atas tenaga manusia.

Dengan adanya undang-undang seperti ini yang memberi persekitaran tempat kerja yang lebih baik dan selesa, menjaga keselamatan dan mementingkan kebajikan pekerja, diharap ia akan menjadi salah satu budaya kita di dalam kita menghadapi abad ke-21 yang lebih mencabar nanti. Perubahan persekitaran tempat bekerja ini diharap dapat menarik minat pekerja-pekerja

kita untuk bekerja di negara sendiri. Ia juga mungkin dapat menarik minat pekerja kita yang berada di luar negeri untuk pulang bekerja di sini.

Akhirnya, satu isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu sexual harassment. Saya ingin mengingatkan bahawa sexual harassment tidak sentiasa berlaku ke atas perempuan oleh lelaki. Ada beberapa kes di mana majikan wanita telah melakukan sexual harassment ke atas pekerja lelaki. Dengan itu, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

5.03 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 semalam dan hari ini ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Tuaran, Hulu Selangor, Parit Sulong, Santubong, Petaling Jaya, Padang Terap, Nilam Puri, Jerai, Arau, Kota Setar dan Telok Kemang. Cadangan-cadangan itu adalah bernas dan saya mengalu-alukan semua pandangan yang telah dikemukakan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah menjelaskan dengan terang dalam ucapan saya semasa membentangkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993, Akta

ini adalah satu enabling Act, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pengalaman negara-negara maju seperti United Kingdom dan New South Wales, Australia telah diambil kira dalam penggubalan Akta ini. Pada hari ini kita juga dapat melihat cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang diperuntukkan dalam Akta ini akan mengambil kira semua cadangan-cadangan ini semasa menggubal Subsidiary Legislation atau Rules, dengan izin. Apabila Akta ini dilaksanakan, sekiranya ada shortcomings, dengan izin, Kerajaan akan membuat pindaan-pindaan jika diperlukan mengikut keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memaklumkan bahawa Majlis Penasihat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia sekarang telah membuat kajian berkaitan dengan sektor-sektor perhutanan, pembinaan dan perladangan bagi maksud penggubalan undang-undang kecil Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang akan ditubuhkan akan mengambil alih tugas-tugas Majlis Penasihat yang berfungsi sekarang. Maka saya memberi jaminan bahawa cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang mencerminkan kejujuran Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap nasib pekerja-pekerja akan diberikan perhatian yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia di samping menggubal Akta ini juga telah mencadangkan untuk mengadakan "Safety Week" pada bulan April tahun

depan yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memupuk kesedaran di kalangan pekerja dan majikan terhadap pentingnya menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Untuk menjayakan kempen ini, beberapa strategi telah dirumus seperti iklan di radio, televisyen, handbills, video film strips dan iklan di akhbar-akhbar. Tindakan yang demikian akan pasti dapat menyerap kesedaran dalam diri setiap pekerja dan majikan. Dengan ini, Kerajaan yakin akan dapat mewujudkan satu budaya kerja yang selamat dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini izinkan saya untuk memberikan penjelasan terhadap isu-isu spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Tuaran ada menyatakan banyak kes kemalangan perindustrian tidak dilaporkan dan dibayar pampasan secara senyap-senyap oleh majikan kepada pekerja. Peruntukan telah dibuat di dalam Seksyen 32, Bahagian VIII, Akta, di mana adalah menjadi satu kewajipan bagi seseorang majikan memberitahu Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mengenai apa-apa kemalangan, dan kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan majikan didakwa di mahkamah. Pekerja dan kesatuan sekerja haruslah menjalankan peranan mereka juga, kerana adalah tidak munasabah bagi Kerajaan melantik seorang pegawai di tiap-tiap tempat kerja bagi menanti saat berlakunya sesuatu kemalangan. Tambah lagi Seksyen 30 Bahagian VII, Akta juga membuat peruntukan bagi mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja. Jawatankuasa tersebut boleh melaporkan kes-kes kemalangan

kepada pejabat kemalangan dan kesihatan pekerjaan agar perkara yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Tuaran boleh dikurangkan.

Mengenai soal pencegahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, perkara ini adalah juga dirangkumi di dalam Akta ini. Peruntukan Seksyen 16 di dalam Akta, menghendaki setiap majikan untuk mengadakan satu dasar kemalangan dan kesihatan. Mengikut Seksyen 29 di mana Menteri fikirkan perlu, majikan juga mesti mengaji seorang pegawai keselamatan dan kesihatan yang dikehendaki diambil kerja semata-mata bagi maksud menjamin bahawa segala peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dipatuhi dengan sewajarnya. Mengikut Seksyen 31, tugas bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang hendak ditubuhkan di bawah Akta ini adalah untuk sentiasa mengkaji semula bahawa langkah-langkah yang diambil di tempat kerja untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja adalah memadai. Dan juga untuk menasihati apa-apa perkara di tempat kerja yang dianggap adalah merupakan risiko kepada keselamatan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor mencadangkan supaya kilang-kilang merbahaya mengadakan operasi dan latihan kecemasan bagi menghadapi malapetaka seperti kebakaran, letupan dan sebagainya. Kementerian sedang menggubal peraturan-peraturan khusus bagi maksud ini, di mana majikan di dalam major hazard installation, dengan izin, yang melibatkan kimia dan racun merbahaya perlu mengadakan rancangan operasi kecemasan bagi menghadapi malapetaka yang timbul.

Penyakit jiwa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Santubong boleh disebabkan oleh beberapa faktor seperti pendedahan kepada bahan kimia yang tertentu atau disebabkan oleh faktor psiko-sosial yang lain. Akta ini akan melindungi pekerja-pekerja dari pendedahan kepada bahan-bahan kimia yang boleh menyebabkan penyakit jiwa. Tetapi bagi faktor-faktor sosial seperti sexual harassment, dengan izin, adalah di luar skop bidang Akta ini. Sebenarnya ia dirangkumi dalam Akta Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Hulu Selangor mencadangkan supaya majikan-majikan wajib menghantar pekerja-pekerjanya untuk pemeriksaan kesihatan bagi mengesan penyakit perusahaan yang mungkin dialami oleh pekerja-pekerja akibat perkerjaan yang dilakukannya.

Terdapat peruntukan di Seksyen 28 dalam Akta di mana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi pengawasan perubatan. Peraturan-peraturan itu boleh memperuntukkan kerapnya dan jenis pengawasan yang boleh dijalankan. Buat masa ini ada beberapa peraturan yang telah dibuat di bawah Akta Kilang dan Jentera yang bertujuan untuk mengesan penyakit-perusahaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Hulu Selangor.

Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun.

Dato' M. Mahalingam: Cukuplah. Kita sudah lebih satu hari. Tuan Yang

di-Pertua, berkaitan dengan keahlian wanita dalam Majlis Keselamatan dan Kesihatan Kebangsaan, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, perlantikan ini adalah untuk mewakili pekerja-pekerja wanita yang mungkin ada masalah-masalah yang unik dan khusus semasa bekerja. Peruntukan Seksyen 9 (*d*) adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kaum wanita diwakili dalam Majlis di peringkat Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga ingin tahu apakah bentuk perlindungan yang diberi kepada wanita. Adalah dimaklumkan bahawa bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Hulu Selangor, tujuan mengadakan peruntukan supaya salah seorang Ahli Majlis mestilah wanita adalah supaya perkara-perkara khusus berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan wanita boleh diberikan tekanan yang sewajarnya.

Mengenai denda di bawah Akta ini, penalti yang dikenakan adalah cukup berat untuk menghindarkan mereka yang berkenaan dari melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta ini. Secara umumnya, hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta adalah setimpal dengan beratnya kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Sekiranya semasa pelaksanaan Akta ini di dapati bahawa hukuman itu tidak menghalang atau mengurangkan daripada berlakunya kesalahan di bawah Akta ini, Kementerian ini akan mengambil tindakan untuk mengkaji semula hukuman yang diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengenai kenyataan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Petaling Jaya bahawa PERKESO lebih mementingkan kecederaan dan tidak kepada penyakit perusahaan. Dalam hubungan ini, sukacita saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya bahawa Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, khususnya Jadual Kelima yang menyenaraikan kesemua jenis keadaan dan penyakit yang merangkumi penyakit perusahaan.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dengan panjang lebar telah membangkitkan mengenai bahaya bahan-bahan radioaktif. Sebenarnya perkara ini adalah di bidang kuasa Akta Perlesenan Tenaga Atom, 1984 yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Mengenai serangan-serangan histeria yang ada berlaku di kilang-kilang beberapa kajian berkaitan dengan kes ini telah dijalankan oleh pakar-pakar kesihatan industri dari negara Barat, tetapi sehingga kini mereka masih belum dapat kesimpulan yang khusus mengenai punca kejadian mass-hysteria, dengan izin.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Santubong mengenai kewajipan majikan yang dikatakan terlalu am itu, adalah dimaklumkan bahawa segala kewajipan yang diperuntukkan di dalam Akta akan dijadikan lebih terperinci dengan tata-amalan industri yang diluluskan oleh Menteri apabila dicadangkan oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan nanti, dan juga dengan peraturan-peraturan. Bahagian X, Akta ini adalah khusus berkenaan dengan kelulusan dan penggunaan tata-amalan industri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengenai pengalamannya di Chemical Company of Malaysia (CCM) Padang Jawa adalah dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kementerian ini telah pun membuat beberapa lawatan ke kilang tersebut dan mendapati bahawa kilang itu mematuhi kehendak undang-undang masa kini. Bila Chemical Statutory Regulations, dengan izin, digubal nanti syarikat itu akan dikehendaki mematuhi peruntukan yang lebih terperinci mengenai pengesyoran dan pengendalian bahan kimia.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai menyoal mengenai kaunseling untuk pekerja. Kaunseling untuk pekerja adalah suatu aktiviti di bawah program kesihatan industri bagi mengurangkan tekanan jiwa. Tatacara boleh diadakan di bawah Akta ini kelak.

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau, iaitu soalan mengenai apa gunanya ditubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan—kuasa dan fungsi Majlis ini telah pun diperuntukkan dengan jelasnya di dalam Seksyen-seksyen 11 dan 13 di dalam Akta yang telah dilengkapkan di sini.

Yang Berhormat dari Arau juga menyoal mengapa penguatkuasaan tidak diberikan penekanan, tetapi penalti diberi penekanan. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah mengenai pencegahan dan bukan penguatkuasaan, oleh sebab seluruh Bahagian 11, Akta ini, daripada Seksyen 39 hingga Seksyen 50 adalah berkaitan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan. Isu mengenai pencegahan adalah sepertimana yang telah saya nyatakan tadi.

Yang Berhormat dari Arau juga ada membangkitkan mengenai beberapa perkara berkenaan dengan PERKESO. PERKESO bukanlah perkara yang kita bincangkan pada kali ini. Kementerian saya hanya mengendalikan.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebenarnya, saya memang ada kesilapan teknik tadi, sebab saya terlupa sebut. Saya tahu bahawa Akta ini bukan ditadbir oleh SOCSO, ia memang suatu Jabatan—tidak apalah saya akan jawab di bawah Committee Stage. Soalan saya yang timbul sekarang ialah SOCSO yang ada sekarang ini pun sudah begitu teruk masalahnya. SOCSO ini adalah satu-satu Jabatan by itself, badan berkanun. Tetapi mereka sendiri pun tidak boleh menyelesaikan masalah.

Kita hendak tubuhkan Jabatan yang saya percaya, seperti Jabatan Kilang dan Jentera, yang ditukarkan untuk mengambil alih tugas-tugas ini. Apakah boleh tugas ini disatukan sebab sekarang ini kita membangkitkan masalah keselamatan dan juga kesihatan. Mengapa keselamatan dan kesihatan mesti diasingkan? Jadi, saya cadangkan supaya disatukan. Kalau tidak boleh disatukan, maka swastakan.

Yang Berhormat mungkin tersenyum sebab Yang Berhormat ingat seolah-olah saya hendak mencadangkan supaya diswastakan, tidak kira beri pada siapa, sama ada beri kepada syarikat Ahmad Norkah atau siapa, itu tidak peduli.

Tetapi apa yang penting di sini, matlamat akhirnya ialah masalah

pekerja. Saya tahu, Yang Berhormat, saya tidak silap cakap. Saya tahu apa SOCSO, saya tahu apa dia Akta ini. Saya sudah baca sampai habis. Saya ingat Yang Berhormat faham apa kehendak saya supaya ianya disatukan sebab masalah keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja bukan berasingan dan mesti dilihat oleh satu orang. Amat sukar kalau seorang bapa, dia bagi bapa ini buat ini—sukar. Seorang bapa kena tengok masalah anak dari semua segi. Mana ada anak sampai tiga, empat bapa? Jadi, sekarang ini bapa kepada pekerja ini ialah PERKESO (SOCSO). Yang menjadi masalah sekarang ini sebab Jabatan Kilang dan Jentera, tengok keselamatan—SOCSO, tunggu orang pecah kepala, baru bagi pertolongan! Jadi, susah.

Sekarang ini dia kena tengok semua sebab kita bayar pada dia. Keselamatan ini siapa bayar? Siapa pun tidak bayar. Siapa yang bayar pada Akta ini? Pekerja tidak bayar apa. Jadi, bila tidak bayar, susah hendak jaga. Jadi masalah biasalah. Saya bukan hendak mengatakan bahawa pegawai Kerajaan tidak boleh tengok, tetapi satu jabatan tidak boleh tengok tentang masalah 7.8 juta tenaga kerja.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat sekarang, ada berapa orang tenaga kerja untuk melaksanakan Akta ini? Saya hendak tengok dan bandingkan dengan 7.8 juta tenaga kerja ini. Kalau 500 orang, saya ingat minta maaf.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa SOCSO memang ada masalah, bukan tidak ada. Sebab itu Kementerian saya ada mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta SOCSO dan pandangan-pandangan yang diberi oleh Yang

Berhormat Arau memang kita ambilkira. Tidak lama lagi kita akan membentangkan pindaan kepada Akta SOCSO.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta maaf, Yang Berhormat, soalan terakhir sekali. Selepas ini, saya hendak pergi minum teh.

Saya hendak bertanya mengapa keselamatan dan kebajikan diasingkan? Saya hendak bertanya adakah Akta ini hendak tengok tenaga pekerja 7.8 juta? SOCSO hendak tengok yang itu. Berapa orang pekerjakah dari Jabatan Yang Berhormat yang hendak melaksanakan Akta ini? Saya hendak tanya berapakah orang yang bekerja di Jabatan Kilang dan Jentera sekarang?

Dato' M. Mahalingam: Belum ditentukan, Tuan Yang di-Pertua. Ada banyak lagi yang kita belum tentukan. Tetapi kedua-dua Akta itu mempunyai objektif yang lain. Akta PERKESO lain, itulah sebab kita mempunyai pejabat yang berasingan. Kita tidak boleh cantumkan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar mengenai expectation, dengan izin, akan berlakunya kemalangan dan tidak mengguna sehingga terjadinya kemalangan itu. Sepertimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 32(1), seseorang majikan hendaklah memberitahu pejabat keselamatan dan kesihatan pekerja yang terdekat mengenai apa-apa kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang telah terjadi atau mungkin akan terjadi di tempat kerja. Seksyen 32(2) pula memperuntukkan bahawa pengamal perubatan diwajibkan melaporkan penyakit keracunan yang dipercayai berbangkit daripada pekerjaan kepada Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan, dengan izin, people go to work to earn a living, not to get killed, maimed or disabled. Behind every fatality or disability lies not just one human life but those of spouse, children, parents or sibling. Semua pihak iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap orang yang keluar untuk bekerja selamat pulang ke pangkuan keluarga.

Sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Akta ini akan memberi manfaat kepada tujuan dan.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong minta jalan.

Dato' M. Mahalingam: Tidak payahlah. (*Ketawa*). . . . dan kejujuran Kerajaan membela nasib para pekerja kita.

Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian saya sebentar tadi. Suka juga saya memaklumkan bahawa perkara-perkara berbangkit yang tidak dapat saya jawab dalam Dewan yang mulia ini akan diambil perhatian yang serius oleh Kementerian Sumber Manusia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 67—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru.

5.27 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, saya mempunyai berbagai kemusykilan berhubung dengan kandungan seksyen-seksyen di dalam Rang Undang-undang yang akan menjadi Akta kemudian.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merujuk kepada Bahagian I, Seksyen 1(3) berhubung dengan Ordinan 70/52 Sabah, Ordinan 11/60 Sarawak, Ordinan 2/60:

“1(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh terpakai bagi pekerjaan atas kapal yang dikuasai oleh Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah atau Sarawak atau angkatan tentera.”

Saya ingin tahu, apakah rasional di sebaliknya peruntukan ini yang terkeluar daripada Jadual Pertama. Mereka yang bekerja di kapal yang telah dikuasai di bawah ordinan yang dinyatakan tidak terlibat mereka yang bekerja di kapal, misalnya penangkap ikan. Kapal-kapal yang bekerja di kawasan pelabuhan yang juga mempunyai risiko dan masalah pekerjaan yang lebih

kurang sama. Kenapakah mereka ini dikeluarkan di bawah Ordinan yang disebutkan tadi? Mengapa? Apakah rasional dan apakah sebab-sebab mereka ini dikeluarkan daripada Jadual Pertama.

Yang Kedua, berhubung dengan Angkatan Tentera. Apakah beza tugas dan tanggungjawab Angkatan Tentera dengan pihak Polis? Mengapa Polis sebagai sektor awam, kerana ini industri yang luas. Industri termasuk sektor awam dan sektor swasta dan anggota Polis tidak dikecualikan. Mereka adalah terkandung di dalam Jadual Pertama sedangkan di sini Tentera dikeluarkan daripada Jadual Pertama. Saya minta satu penjelasan yang tepat berhubung dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga ialah berhubung dengan tafsiran yang dikatakan boleh dipraktikkan di tempat-tempat kerja oleh majikan-majikan ataupun pengusaha-pengusaha. Ini satu tafsiran yang rambang dan tidak begitu jelas dan ini terserah kepada budi bicara majikan. Setakat mana yang difikirkan praktik bagi dirinya dan tidak ada siapa yang boleh menuduh bahawa dia telah engkar untuk mematuhi Akta ini. Jika sekiranya dia perlu mengikut sesuatu tata-amalan industri misalannya, maka siapa yang akan bertanggungjawab untuk menentukan tata amalan industri itu diserahkan atau diamalkan oleh sesuatu bidang perusahaan itu, kerana ini satu tafsiran yang saya rasa tidak begitu tepat—rambang. Jadi, ia perlu diperjelaskan dengan secara yang lebih tepat.

Tuan Pengerusi, seterusnya berhubung dengan tafsiran juga, iaitu tempat kerja. Kita tahu bahawa pekerja-pekerja yang ada di dalam

sektor awam mahupun sektor swasta bukan hanya bekerja di tempat kerja. Ada yang bekerja di luar tempat kerja, misalnya technician, pekerja-pekerja mahir, postman, drivers, mereka ini tidak bekerja di tempat kerja.

Akta ini hanya mengkhususkan ataupun setiap peruntukan yang terkandung dalam Akta ini hanya meliputi tempat-tempat kerja, loji atau kilang. Bagaimanakah mereka yang bekerja di luar daripada tempat-tempat kerja ini? Bagaimanakah kita hendak tafsirkan bahawa tempat-tempat kerja ini juga meliputi mereka yang bekerja di luar daripada tempat kerja atau daripada loji yang ditentukan itu kerana kemalangan dan apa jua akibat kepada kesihatan pekerja itu, ia boleh berlaku di mana jua!

Seorang posmen hari-hari bawa basikal atau naik motosikal, terdedah kepada habuk dan asap, ia juga boleh mendatangkan akibat kepada kesihatan. Begitu juga daripada segi kemalangan, dia boleh jatuh dari motosikal kerana motosikal itu tayarnya tidak ditukar oleh majikan! Tayarnya botak! Bagaimanakah istilah ini hendak digunakan, kalau ia hanya dikhususkan kepada tempat kerja, kepada pekerja-pekerja yang bekerja di luar daripada tempat kerja?

Tuan Pengerusi, lagi seperkara yang saya ingin sentuh ialah Fasal 4 berhubung dengan tujuan Akta ini diadakan—begitu amat meluas! Kalau saya hendak baca pun mungkin mengambil masa. Saya rasa tak perlu saya baca satu persatu, tetapi apa yang saya ingin hendak perjelaskan, kalaulah mengikut tujuan Akta ini, apa-apa yang telah ditetapkan dan industri yang akan meliputi Akta ini begitu amat luas. Sektor awam dan sektor swasta boleh dikatakan keseluruhannya, kecuali

tentera dan di bawah Jadual Perkapalan yang disebut awal tadi.

Bermakna, kalau hendak dilaksanakan tujuan ini, ia mengambil masa yang begitu panjang. Ia begitu luas tujuannya dan jangka untuk dilaksanakan Akta ini, saya rasa tak tahulah berapa tahun. Mungkin saudara saya ada sebut tadi, kalau ada lampu Aladin.

Jadi, kalau kita hendak laksanakan hal ini atau tujuan Akta ini, saya rasa Jabatan yang baru yang hendak ditubuhkan, iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan memerlukan bukan sahaja tenaga yang cukup, malahan kepakaran—pakar-pakar! Bukan sekadar ada pegawai diambil, seperti pegawai-pegawai biasa dimasukkan ke dalam Jabatan itu untuk hendak melaksanakan tujuan-tujuan Akta ini. Saya rasa perkara ini tak akan begitu mudah, lebih-lebih lagi yang menyentuh tentang kesihatan pekerjaan.

Kita perlu pakar-pakar termasuk pakar perubatan perindustrian. Kalau tidak ada doktor industri, selama ini bergantung kepada pakar-pakar Barat. Disebutkan tadi, pakar Barat telah mengkaji tentang histeria beramai-ramai. sampai hari ini tak dapat jawapannya. Di negara kita Malaysia, tak ada pakar yang boleh menunjukkan tentang kesihatan industri. Tak ada pakar yang boleh mengatakan, setelah 5 tahun, "Kau ini sakit sebab kau biasa bekerja di tempat yang menggunakan kimia ataupun asid dan sebagainya". Tak ada! Malahan tak ada doktor yang berani mengesahkan itu!

Kalau tujuan ini hendak meliputi tanpa pakar-pakar ini, saya rasa akhirnya ia tinggal dalam buku sahaja—tujuan-tujuan begitu murni,

begitu cantik—kerana pihak berkuasa tak ada tenaga dan pakar-pakar yang diperlukan untuk menyempurnakan tujuan-tujuan yang telah ditetapkan ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Fasal 25. Seseorang yang dengan sengaja melulu atau cuai mengganggu atau menyalahgunakan apa jua yang diadakan atau dilakukan untuk kepentingan keselamatan, kesihatan dan kebajikan menurut Akta ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Ini satu seksyen atau peruntukan yang begitu umum. Kesalahan boleh berlaku dan ini satu seksyen yang membuka masalah kepada mereka yang terkilan. Bila terkilan, ia akan menjadi satu pertikaian. Jadi, mana ada orang yang boleh membuat satu keputusan yang muktamad kalau kita ada satu peruntukan (seksyen) yang begini umum? Kalau dikatakan misalnya seorang penyelia, atau seorang dari pihak pengurusan (management) memberi satu arahan yang salah, bolehkah seseorang itu daripada pihak pengurusan didakwa dan dikenakan hukuman tak lebih daripada RM20,000 ataupun dipenjarakan tidak kurang daripada 2 tahun? Boleh?

Atau, bolehkah seseorang itu yang cuba melakukan satu gangguan—semalam disebutkan gangguan seks (sex harassment) yang menyentuh tentang kebajikan pekerja—bolehkah seseorang itu juga boleh dikenakan hukuman yang seumpama ini iaitu RM20,000 ataupun dipenjarakan tidak lebih daripada 2 tahun? Satu peruntukan, satu seksyen yang begitu umum! Jadi kita hendak serahkan pula kepada Mahkamah atau kepada

Majistret untuk membuat keputusan. Ini akan memeningkan mereka yang terkilan terutamanya mangsa, pekerja. Kalau hendak dakwa, mengikut seksyen ini, saya rasa ini satu seksyen yang begitu amat umum.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah berhubung dengan Fasal 30, iaitu berhubung dengan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja. Di sini ditetapkan bahawa tiap-tiap majikan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja, jika terdapat 40 orang atau lebih diambil kerja di tempat kerja atau Ketua Pengarah mengarahkan penubuhan Jawatankuasa sedemikian di tempat kerja.

Mengapa? Mengapa pertama sekali dia mesti ada 40 orang, baru dia hendak adakan Jawatankuasa Keselamatan ataupun Ketua Pengarah hendak kena arahkan? Mengapa tidak dimestikan kerana perkara ini begitu perlu, begitu mustahak! Setiap tempat kerja (premises) mesti ada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan Kabajikan Pekerja! Dia tidak boleh ikut, kalau ada 40 orang boleh dan kalau tak ada 40 orang tak perlu; kemudian Ketua Pengarah pula hendak arahkan sama ada perlu atau tak perlu diadakan Jawatankuasa tersebut.

Kemudian, keanggotaan Jawatankuasa. Keanggotaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang ditubuhkan di bawah Fasal kecil 30(1), iaitu pemilihan atau perlantikan orang-orang daripada Jawatankuasa itu, kuasa-kuasa anggota Jawatankuasa itu dan apa-apa perkara lain yang berhubung dengan penubuhan atau prosedur Jawatankuasa itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan. Siapa yang hendak ditetapkan? Tak sebut!

Siapa yang hendak tetapkan prosedur untuk menubuhkan ataupun melantik mana-mana pekerja atau mana-mana orang di dalam tempat kerja itu untuk menganggotai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ini? Tak sebut!

Ada masalah di sini. Saya bimbang kalau Akta ini diadakan, banyak pihak tidak akan hendak memenuhi dengan tujuan Fasal 30(2) ini, kemungkinan kerana ia melibatkan berbagai masalah. Bagi Industri Kecil dan Sederhana, kalau sudah kena belanja dan sepertimana yang disebut tadi, hendak kena lantik pegawai keselamatan dan kesihatan, kemudian hendak tubuhkan pula Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, kalau ini tidak dimestikan, tidak diwajibkan, ada pihak terutamanya majikan-majikan yang tak mahu. Kerana ini melibatkan bukan sahaja tenaga malahan kos dalam pembentukan Jawatankuasa ini dan lain-lain perbelanjaan yang terpaksa ditanggung melainkan kita ada secara yang wajib, dimestikan. Bukan secara budibicara ataupun sekadar arahan daripada Ketua Pengarah.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang perkara yang disebut di bawah Jadual Ketiga. Pekerjaan yang melibatkan risiko khusus kepada kesihatan. Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian atau pendedahan kepada

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. Yang Berhormat Jadual belum lagi. Fasal-fasal sahaja. Jadual kita belum sentuh. Kita ada Fasal-fasal dan Jadual.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia lain ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang kita dalam Fasal-fasal. Jadual kemudian.

Tuan Ahmad bin Nor: Demikianlah kemusykilan yang telah saya bangkitkan dan saya berharap Timbalan Menteri akan dapat menjawab dengan secara tepatlah kerana ini satu perkara yang baik yang saya sendiri sokong, tetapi ada kemusykilan. Dan Akta ini mungkin perlu dikaji daripada masa ke semasa dan diperbetulkan balik supaya lebih kemas, lebih tepat; supaya semua orang dapat memahami apakah kehendak Akta ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kok Lanas.

5.42 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertama, saya hendak membangkitkan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi ialah definisi “tempat kerja” seperti yang terdapat pada muka surat 9, Seksyen 3:

“tempat kerja” ertinya premis tempat orang-orang bekerja atau premis yang digunakan bagi penyimpanan loji atau bahan.

“Tempat kerja” ini dirujuk kepada premis dan premis ditakrifkan di bawah seksyen yang sama iaitu di sebelah atas itu sedikit—makna premis. “Premis” termasuklah:

- (a) mana-mana tanah, bangunan atau bahagian mana-mana bangunan;
- (b) mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara;
- (c) apa-apa pemasangan di atas tanah, pemasangan luar pesisir atau pemasangan lain

sama ada di atas dasar atau yang terapung di atas mana-mana air;

(d) xxxxxx

Kesemuanya ini adalah merujuk kepada premis ini dan premis ditakrifkan di bawah ini dan perkara yang sama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi.

Nampaknya peruntukan Rang Undang-undang atau Akta ini tidak akan berkuatkuasa dan terpakai bagi mereka yang menjalankan tugas di tempat-tempat yang tidak ditakrifkan sebagai premis. Oleh kerana pemakaian kesemua peruntukan-peruntukan Akta ini hanya akan terpakai kepada mereka yang menjalankan kerja-kerja dipremis dan premis telah ditakrifkan. Sudah tentulah ada banyak oleh kerana kuatkuasa Akta ini akan meliputi berbagai-bagai industri daripada pengilangan, perlombongan, pembinaan, pertanian sehinggalah kepada perkhidmatan awam dan Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Berkanun. Sudah tentulah takrif "premis" ini saya rasa agak terkeluar daripada maksud yang sebenar. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi; misalnya, seorang Pegawai Kerajaan yang bekerja di luar tetapi dia menjalankan tugas rasmi di luar. Sudah tentu dia tidak melakukan kerja di premis kerana premis telah ditakrifkan di bawah Seksyen 3 tersebut. Adakah ini majikannya terlepas daripada tugas untuk mewujudkan suatu keadaan keselamatan dan kesihatan yang baik kepadanya. Kalau melihat kepada definisi "tempat kerja" dan kepada takrif "premis" yang dimaksudkan di bawah Akta ini, ini tidak dilindungi.

Kerana tugas untuk mengawal keselamatan dan kesihatan diletakkan oleh undang-undang ini kepada majikan pada tempat kerja di premis sahaja. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang keduanya berhubung dengan Seksyen 16. Seksyen 16 ini, Tuan Pengerusi, kalau saya faham akan menimbulkan keadaan yang tidak seragam di semua industri yang mana Akta ini akan terpakai selepas daripada ini. Seksyen ini menyebut:

"16. Kecuali dalam apa-apa hal yang ditetapkan, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk menyediakan dan seberapa kerap yang sesuai mengkaji semula pernyataan bertulis dasar amnya berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerjanya semasa bekerja dan organisasi dan perkiraannya yang sedang berkuatkuasa bagi menjalankan dasar itu, membawa pernyataan dan apa-apa kajian semulanya kepada perhatian kesemua pekerjaannya."

Di sini nampaknya niat pihak Kementerian ialah untuk menetapkan garis dasar berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan dalam beberapa bidang sahaja. Manakala dalam bidang-bidang industri yang tidak ditetapkan garis dasar mengenai keselamatan dan kesihatan, maka terpulanglah kepada majikan berkenaan untuk membuat dasar mengenai kesihatan dan keselamatan tersendiri. Jika inilah maksudnya yang dibuat oleh pihak Kementerian, bermakna dalam kes di mana suatu dasar mengenai kesihatan dan keselamatan ditetapkan oleh

Kementerian, kita akan dapat suatu dasar yang seragam tidak kira sama ada industri itu perkilangan, perkhidmatan awam, perlombongan dan sebagainya. Tetapi dalam kes di mana tidak ada suatu dasar mengenai keselamatan dan kesihatan ditetapkan dalam undang-undang ini, Seksyen 16 mengatakan terserahlah kepada majikan berkenaan untuk membuat peraturan tersendiri.

Apa yang berlaku nanti, Tuan Pengerusi, saya rasa akan banyak dasar yang tidak seragam. Dasar yang tidak seragam akan muncul di tiap-tiap industri kalau tidak semua dasar itu dibuat oleh pihak Suruhanjaya atau Jawatankuasa yang akan dibentuk selepas ini oleh pihak Kementerian. Ini tidak munasabah, Tuan Pengerusi. Kita tidak boleh membenarkan mana-mana industri terutamanya kerana Akta ini akan terpakai untuk industri yang begitu luas termasuk sektor awam dan sektor swasta. Kalau dasar tidak ditentukan oleh pihak Kementerian dan kita menyerahkan perkara ini dilakukan oleh industri terdapat dasar yang bercanggah antara satu sama lain. Misalannya sebuah restoran—Restoran “A” akan mengadakan satu dasar keselamatan dan kesihatan yang tertentu. Restoran “B” akan mengadakan cara lain pula. Restoran “C” akan mengadakan cara lain. Akhirnya berkecamuk. Maksud daripada Akta ini tidak tercapai.

Adalah munasabah kalau semua sektor yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama, sekurang-kurangnya suatu dasar am dibuat yang meliputi keselamatan dan kesihatan untuk semua sektor. Dasar ini mesti dirangka oleh Kementerian. Kita tidak boleh menyerahkan kepada industri berkenaan untuk merangka kerana ini akan menyebabkan suatu keadaan susah untuk menguatkuasakan Akta

ini. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan Seksyen 16 ini. Pada saya, pengubalan dasar semuanya mesti dibuat oleh Kementerian dan tidak oleh industri berkenaan. Seksyen ini memberi ruang kepada industri-industri berkenaan dalam kes di mana dasar tidak ditetapkan untuk membuat dasar keselamatan dan kesihatan secara tersendiri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri.

5.47 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, Seksyen 3(3):

- (a) “kerja” ertinya kerja sebagai seorang pekerja atau sebagai orang yang bekerja sendiri.
- (b) seorang pekerja disifatkan sedang bekerja sepanjang masa dia berada di tempat kerjanya tetapi tidak selainnya.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin meminta pandangan supaya kalau boleh undang-undang ini juga ataupun Akta ini juga melindungi orang yang bekerja di tempat kerja (premis) dan juga melindungi orang yang dalam perjalanan pergi kerja dan balik kerja.

Misalnya sekarang ini kita lihat pekerja-pekerja kilang terutama sekali di Selama, Perak; di Baling, Kedah; di Sik, Kedah; mereka hendak bekerja di Butterworth ataupun daripada Selama hendak bekerja di Taiping. Mereka keluar dari pukul 5.00 pagi, naik bas dan bas itu berhenti mengambil pekerja dan baliknya pukul 5.00 petang menunggu bas dan sebagainya, sampai rumah 8.00 malam. Bererti mereka meluangkan masa mereka untuk

bekerja 15 jam. 15 jam kalau mereka berada di kilang, sudah hampir dua syif. Dua syif—16 jam. Jadi adalah tidak adil misalnya pekerja-pekerja kilang kena ambil insurans yang lain untuk cover sebarang kemalangan dalam perjalanan mereka ke tempat kerja. Sebab itu kita lihat ramai pekerja-pekerja kilang kadangkalanya terpaksa ambil dua tiga insurans. Satu insurans di tempat bekerja yang diperkenalkan oleh kilang, satu lagi insurans persendirian untuk cover perjalanan mereka. Misalnya selepas bekerja, misalnya kita yang bekerja di kilang kimia. Kerja kita off-load ammonia misalnya. Waktu itu sudah hampir habis syif kerja kita. Kita off-load ammonia pukul 6.30 pagi. Tadi kita kena bau ammonia yang cukup dahsyat. Kemudian kita hampir pening. Waktu pukul 7.00 kita punch-out, kita keluar. Waktu itu kita memandu motosikal untuk balik ke rumah. Kadangkalanya line jalan raya itu kita nampak dua line. Tiang eletrik kita nampak tiga. Akibatnya sudah tentu kita membawa kereta atau membawa motosikal dalam keadaan meraba-raba dan dalam keadaan letih setelah bekerja malam. Kenapa SOCSO ataupun lembaga yang ditubuhkan ini tidak ingat untuk cover sebarang kemalangan dalam perjalanan balik atau datang ke tempat kerja. Oleh itu, saya harap perkara ini dapat difikirkan sebab kita lihat sekarang ini katalah orang itu hendak duduk di asrama, dia kadangkalanya ibu bapa tidak membenarkan dia duduk di asrama kerana pencemaran akhlak dan sebagainya.

Oleh itu, mereka suka berulang-alik. Apabila berulang-alik memakan masa 14 jam atau 15 jam bekerja untuk satu syif. Jadi, saya harap pihak Kementerian mesti cover juga insurans ataupun kebajikan untuk dalam perjalanan pergi dan perjalanan balik. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila jawab.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bayan Baru, Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Yang Berhormat dari Nilam Puri.

Tuan Pengerusi, beberapa soalan ada di sini dari Bayan Baru, Kok Lanas dan Nilam Puri mengenai tempat kerja dan seperti yang dikatakan oleh Bayan Baru berkenaan posmen. Semasa perjalanan, keselamatan adalah di luar kawalan majikan. Adalah tidak adil tanggungjawab yang begitu luas dikenakan atas majikan. Boleh jadi kemalangan berlaku kerana kecuaiannya sendiri atau pengguna jalan yang lain yang majikan tidak mempunyai kuasa atau kawalan. Itu satu polisi yang lain.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Bayan Baru bangun lagi.

Dato' M. Mahalingam: Tidak payah.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia punya nature of duty, bukan dia balik kerja. Nature of duty dia memang hantar surat. Kita tidak boleh anggap dia luar daripada kawasan tempat kerja.

Dato' M. Mahalingam: Itu satu polisi, Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad bin Nor: Nature of duty dia memang macam itu—pejabat pos. Saya beri satu contoh itu kerana hendak bagi tepat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tayar botak, misallah.

Tuan Ahmad bin Nor: Tayar motosikal dia botak, banyak lagi pekerja lain terlibat.

Dato' M. Mahalingam: Dia ada cover dengan lain tempat. Dia ada insurans atau lain-lain.

Tuan Ahmad bin Nor: Kalau begitu, Akta ini tidak cukuplah.

Dato' M. Mahalingam: Saya sudah beritahu Tuan Pengerusi tadi bahawa apabila kita bentangkan Akta di Dewan yang mulia ini, kalau ada kelemahan-kelemahan, kesalahan atau apa-apa, kita mahu memperbaiki dan kita boleh pinda pada masa akan datang. Inilah first time kita kemukakan Akta ini, jangan puji-puji. Yang Berhormat dari Bayan Baru banyak memuji apabila kita bentangkan Akta ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bayan Baru berkata kenapa dikeluarkan orang-orang yang disebut di dalam ordinan dan Angkatan Tentera. Terdapat peruntukan-peruntukan yang terperinci berkaitan dengan keselamatan dalam ordinan-ordinan tersebut. Bagi Angkatan Tentera pula, dalam masa peperangan, Kerajaan tidak dapat menjamin dan menjaga keselamatan dan kesihatan anggota tentera. Ini terlibat "very high risk" dan kita tidak boleh kawal. Sebab itu, kita keluarkan perkara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bayan Baru berkata isu practicable yang dimaksudkan ialah majikan menetapkan standard sendiri. Itu tidak betul sebab adalah ditafsirkan dalam Seksyen 3(1) "boleh dipraktikkan" adalah mengambil kira teruknya bahaya atau risiko yang terlibat dan sebagainya. Adalah terpulanglah kepada mahkamah untuk menetapkan di dalam sesuatu kes sama ada majikan telah mengambil tindakan setakat yang boleh dipraktikkan; sesuatu standard tidak boleh ditetapkan dengan khusus

sekarang sebab sains dan teknologi kian berkembang dan mahkamah mengikut Seksyen 3(1)(c) hendaklah mengkaji sama ada, ada atau tidak cara yang sesuai untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko. Oleh itu, standard yang statik tidak boleh dibuat.

Menjawab soalan Yang Berhormat dari Kok Lanas, Seksyen 16 iaitu dasar keselamatan. Tujuan seksyen ini adalah untuk majikan mewujudkan organisasi keselamatan dan kesihatan di tempat bekerja.

Menjawab soalan Yang Berhormat dari Bayan Baru, kenapa 40 pekerja sebelum mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kok Lanas minta jalan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya faham bahawa maksud Seksyen 16 ini bertujuan untuk mewujudkan dasar kerja, dasar keselamatan dan kesihatan pekerja, membenarkan majikan—saya faham maksud seksyen itu. Tetapi yang saya maksudkan ialah kalau seksyen ini dibaca akan terdapat percanggahan atau penguatkuasaannya susah. Sebab, pihak Kementerian akan hanya menetapkan dasar keselamatan dan kesihatan bagi kategori-kategori industri tertentu. Manakala di dalam kategori industri yang tidak ada dasar dibuat, maka terserahlah kepada industri berkenaan untuk membuat dasar tersendiri. Kalau kita serah kepada industri berkenaan untuk buat dasar tersendiri, 10 buah restoran akan mempunyai 10 dasar yang berlainan. Ini yang saya maksudkan. Maksud saya

dasar ini mesti digubal oleh Kementerian untuk dipakai oleh semua industri. Kalau kita benarkan tiap-tiap industri membuat tiap-tiap dasar tersendiri, kita akan ada beribu-ribu dasar keselamatan dan kesihatan di dalam negara ini. Ini tidak tepat pada pandangan saya, Tuan Pengerusi.

Maksud saya tadi, biarlah Kementerian merangka dasar keselamatan dan kesihatan bagi perlombongan, dasar keselamatan dan kesihatan bagi restoran, dasar keselamatan dan kesihatan bagi perkhidmatan awam—mesti ada itu. Kalau kita serahkan kepada industri berkenaan untuk membuat dasar, berapa ratus ribu restoran yang ada di dalam negara ini? Berapa ratus ribu dasar pula yang akan kita dapat? Ini tidak seragam dan menyusahkan penguatkuasaan nanti. Itu maksud saya. Mesti kuasa ini dipegang oleh Kementerian, hanya Kementerian yang berhak menentukan dasar, bukan industri berkenaan, Itu maksud saya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, konsep Akta ini adalah dengan izin, he who creates the risk, knows best the risk, dan adalah terpulang kepada majikan dalam industri-industri tertentu yang tahu dengan mendalam akan risiko itu untuk membentuk dasar keselamatan dan kesihatan. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis? (Ketawa)

Fasal-fasal 1 hingga 67 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Jadual Ketiga, (Perenggan 28(1)(d)) Pekerjaan yang Melibatkan Risiko Khusus kepada Kesihatan. Saya baca sebab pendek di sini:

- “1. Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, asap, habuk atau wap silika, asbestos, habuk kapas mentah, plumbum, merkuri, arsenik, fosforus, karbon bisulphida, benzena, fosfat organik, wasap nitrus, kadmium, berilium atau racun makhluk perosak.
2. Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, tar, gegala, bitumen, minyak mineral termasuklah parafin, asid kromat, kromat atau bikromat ammonia, kalium, zink atau natrium.
3. Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada sinar-x, partikel mengion, radium atau bahan radioaktif lain atau bentuk-bentuk lain tenaga sinaran.
4. Apa-apa pekerjaan atau proses yang dijalankan dalam udara termampat.”

Tuan Pengerusi, kalau kita teliti Jadual ini, saya rasa tidak cukup, masih ada perkara-perkara yang penting yang ketinggalan untuk dimasukkan di dalam Jadual Ketiga ini. Antaranya saya ingin sebutkan di sini berhubung dengan berbagai pencemaran selain

daripada apa yang saya bacakan tadi. Satu contoh yang saya hendak beri ialah pencemaran bising yang dikeluarkan oleh jentera di dalam kilang-kilang atau di loji yang menggunakan jentera. Kalau bunyi bising itu hari-hari didengar sepanjang 8 jam lebih, kadang-kadang kerja overtime, kalau sudah bertahun, merosakkan anak telinga. *(Ketawa)* Ini satu contoh yang saya hendak beri yang saya teringat. Banyak lagi pencemaran-pencemaran lain yang akan membawa akibat buruk kepada anggota seperti mata, fikiran terganggu, mental, overstraining di dalam kerja, sakit tulang belakang, kidney. . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jerai bangun hendak minta apa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat dari Bayan Baru kata bising. Ini Yang Berhormat dari Bayan Baru dok bising-bising sangat ini kami pun berasa sakit sangat telinga ini macam mana. *(Ketawa)*

Tuan Ahmad bin Nor: Itu satu contoh yang baik. Saya bising pun dia sakit telinga. Kalau kerja di kilang lagi teruk. *(Ketawa)* Saya bising sedikit, dia sudah sakit telinga. Cuba kita bayangkan. Benda-benda ini tidak dimasukkan di dalam Jadual. Pekerja-pekerja yang tidak tahu tentang hal-hal yang begitu merumitkan bagi kesihatannya, dia tidak sedar, dia kerja hari-hari. Yang tahu lima tahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun baru dia sedar bahawa dia dapat penyakit akibat daripada kerja-kerja yang dijalankan semasa dia berkhidmat di dalam sesuatu perusahaan. Dan ini. . .

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan ini yang penting. Di dalam Jadual termasuk penyakit akibat daripada komputer. Sekarang dengan galakan daripada pihak Kerajaan, ada tabung untuk membantu membeli komputer-komputer persendirian, dan di pejabat-pejabat di seluruh negara termasuk Jabatan Tanah, Jabatan Sumber Manusia dan sebagainya, komputer itu sudah banyak sekarang dan kian bertambah. Dengan komputer ini memang menimbulkan masalah penyakit komputer iaitu sindrom yang meliputi sendi-sendi, otot-otot dan juga otak-otak. Bukan sahaja daripada Jerai itu yang mempunyai masalah otot sekarang dan otak juga kadangkala. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, saya minta tarik balik. Bila dia kata Yang Berhormat dari Jerai ada masalah otak, ini berat, Tuan Pengerusi. *(Ketawa)* Saya minta tarik balik.

Seorang Ahli: Dia melawak.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Oh! melawak, tidak apa! *(Ketawa)*

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong memang dia ada hak, dia ada authority untuk bercakap kerana dia seorang doktor. Dia tahu, dan saya memang bersetuju dengan pandangan yang telah dia berikan tadi. Jadi inilah masalahnya. . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jerai bangun lagi, ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, saya faham Yang Berhormat dari Kepong ini doktor kulit bukan doktor otak. Jadi jangan memberi tafsiran yang silap ini. Siapa yang sakit otak ini? (*Ketawa*)

Tuan Ahmad bin Nor: Kalau tidak ada doktor otak, doktor kulit pun boleh, dia tahu tengok.

Tuan Pengerusi, saya rasa Jadual Ketiga ini perlu dikaji dengan lebih mendalam, perlu disemak supaya ia lebih lengkap.

Tadi saya beri contoh tentang pencemaran bising. Sekarang ini dalam sektor swasta banyak sangat dia cuba hendak mengurangkan kos. Dia galakan pekerja-pekerja bekerja lebih masa yang begitu banyak. Walaupun lebih masa telah ditetapkan mengikut Akta Pekerjaan, tetapi sebenarnya ini tidak diamalkan oleh kebanyakan syarikat-syarikat swasta. Dia galakan pekerja-pekerja bekerja lebih masa, yang mana akan berlakunya penggunaan tenaga yang berlebihan, yang begitu panjang. Disebabkan pekerja-pekerja ini gajinya kecil, hendakkan pendapatan yang lebih, terpaksa bekerja lebih masa, memaksa diri bekerja lebih masa, bekerja kadang-kadang sampai dua 'shift' satu hari kerana hendak mendapat gaji—bukan kata gaji itu lumayan—pendapatannya lebih, malahan hanya cukup hendak makan, kerana upah yang dibayar itu sekadar upah yang biasa disebut duit poket (pocket money) sahaja. Oleh kerana hendak cukupkan perbelanjaan, sewa rumah, makan, pakaian, itu dan ini mereka terpaksa kerja lebih masa (overtime). Ini menjadi amalan yang begitu meluas di dalam syarikat-syarikat swasta. Ini juga perlu diberi perlindungan kerana tekanan kerja yang berlebihan. Bukan

sekadar ada Akta, kemudian benda-benda yang kita tidak nampak seperti kemalangan, putus tangan, putus kaki, kita tidak mengambil berat.

Saya rasa dalam soal ini perlu diberi perhatian yang serius dan Jadual ini perlu dimasukkan supaya lebih kemas, lebih luas merangkumi semua apa yang dikatakan, yang melibatkan risiko khususnya kepada kesihatan setiap pekerja yang bekerja sama ada dalam sektor awam, mahupun dalam sektor swasta. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila jawab.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bayan Baru mengatakan pekerjaan yang melibatkan risiko khususnya kepada kesihatan dan Jadual Ketiga tidak lengkap. Beliau memberi bunyi bising sebagai contoh.

Saya hendak memberitahu di sini, Tuan Pengerusi, bunyi bising adalah termasuk di dalam Akta Kilang dan Jentera 1967, itu ada dicovered, dan oleh itu tidak payah kita masukkannya di sini.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya bercakap mengenai Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 bukan Akta Kilang dan Jentera. Kalau Akta ini lebih baik daripada Akta Kilang dan Jentera, masukkannya dalam ini. Jadi ini cerita lain, Akta Kilang dan Jentera pula.

Dato' M. Mahalingam: Ini perundangan, Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad bin Nor: Tadi komputer disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Komputer termasuk dalam Akta Kilang dan Jentera juga?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, seperti yang diterangkan tadi, ini Akta baru yang kita bentangkan di Dewan yang mulia ini. Kalau ada kelemahan-kelemahan, di masa akan datang kita akan membuat beberapa pindaan-pindaan.

Tuan Ahmad bin Nor: Cakaplah macam itu!

Dato' M. Mahalingam: Kita jalankan dahulu.

Tuan Ahmad bin Nor: Cakap macam itu, saya fahamlah, saya. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Habislah.

Tuan Ahmad bin Nor: saya minta semak semula Jadual Ketiga.

Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA

(PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.06 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perkhidmatan Bomba telah diluluskan

oleh Parlimen pada tahun 1988. Dalam proses perlaksanaannya semenjak itu Jabatan Perkhidmatan Bomba mendapati beberapa peruntukan boleh diperketatkan lagi. Maka di sini ingin dicadangkan beberapa pindaan bagi memperkemas serta memperkukuhkan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Pindaan pertama adalah untuk membolehkan suatu Jadual baru mengenai gelaran pangkat Pegawai Bomba diadakan. Jadual mengenai gelaran pangkat ini adalah didapati perlu kerana di dalam Akta sendiri ada peruntukan menyebut tanda 'pangkat' tetapi apakah pangkat-pangkatnya tidak dinyatakan. Ia juga ada kaitan dengan Seksyen 62(1) yang memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan menetapkan pakaian seragam dan tanda pangkat bagi Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan. Pada asalnya dianggap pangkat-pangkat ini adalah perkara pentadbiran dan difikirkan tidak perlu dimasukkan dalam Akta itu. Walau bagaimanapun, seterusnya ia didapati mempunyai implikasi perundangan, maka kini dimasukkan dalam Akta sebagai Jadual.

Pindaan seterusnya adalah untuk membolehkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba menurunkan kuasa secara bertulis tanpa diwartakan. Peruntukan yang ada sekarang membolehkan penurunan kuasa hanya secara diwartakan. Dari segi amalan, ini kurang praktik kerana pertukaran pegawai kerap berlaku memandangkan Perkhidmatan Bomba sedang berkembang dengan pesat mulai sekarang. Setiap pertukaran akan memerlukan tindakan mewartakan semula dan ini melibatkan tindakan perundangan. Maka adalah lebih mudah dan praktik diturunkan kuasa secara bertulis melalui arahan pentadbiran jabatan sendiri.

Satu lagi pindaan adalah membolehkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba mengambil tindakan segera untuk menghentikan aktiviti-aktiviti di sesuatu premis dalam keadaan yang mendesak. Peruntukan sedia ada membolehkan Ketua Pengarah tersebut berbuat demikian hanya dengan perintah mahkamah. Ini memakan masa dan tidak sesuai dalam keadaan-keadaan yang mendesak.

Sebagai satu peruntukan mengimbangkan kuasa ini, satu peruntukan tambahan juga dicadangkan bagi membolehkan pihak yang diberi perintah demikian membuat rayuan kepada mahkamah. Ini bermakna keputusan terakhir masih terletak kepada mahkamah seperti dihasratkan oleh peruntukan yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan selanjutnya ialah untuk mengadakan peruntukan bagi menghalang dan mengambil tindakan terhadap orang yang mengutip wang atas nama Kumpulanwang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba tanpa kebenaran. Ini adalah perlu bagi mengelak berlakunya peluang menipu orang awam.

Pindaan terakhir ialah cadangan untuk memasukkan Pasukan Bomba Sukarela sebagai salah satu pertubuhan yang boleh dikawalselia oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Buat masa ini pasukan-pasukan sedemikian hanya perlu berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dari segi perjalanan sebagai kelab-kelab biasa sahaja. Kini banyak lagi pasukan bomba sukarela ditubuhkan dan ada yang mendapat bantuan alat kelengkapan kebombaan dari Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Bomba. Maka pengawalseliaan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah wajar

bagi menentukan mereka tidak menyalahgunakan alat-alat ini dan sentiasa memelihara kecekapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah beberapa pindaan yang dicadangkan. Dengan pindaan-pindaan ini diharap kecekapan perkhidmatan Jabatan Bomba dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bagan.

6.15 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Seperti semua sedia maklum, kebakaran telah membawa banyak kerugian kepada harta-benda dan juga nyawa. Berikutan dengan lebih banyak lagi kilang-kilang, rumah-rumah dan industri-industri ditubuhkan maka risiko kebakaran adalah bertambah banyak. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 memberi banyak kawalan untuk mencegah kebakaran di bangunan-bangunan, terutama sekali bangunan-bangunan yang baru dibina.

20 OKTOBER 1993

Sebelum sebuah bangunan dibina, ia mesti mendapat kelulusan dari pihak Bomba Negeri berkenaan dengan keperluan-keperluan mencegah kebakaran. Keperluan utama adalah tangga kecemasan, pintu-pintu rintangan api, sprinkler system, smoker system, wet and dry riser, hose-reel, fire extinguisher dan juga pili-pili bomba.

Pada amnya, Jurutera Perunding akan menyediakan plan-plan fire-fighting dan ia dilaksanakan mengikut apa yang direka. Selepas itu, Pihak Berkuasa Bomba Negeri barulah membenarkan bangunan untuk mendapat OC dari pihak tertentu. Akan tetapi alat-alat atau keperluan-keperluan yang telah dipasang memerlukan penyelenggaraan yang rapi dan berterusan, maka sentiasa kena diuji dan conditioning untuk memastikan alat-alat tersebut berfungsi dengan sempurna.

Trajecti maut sering berlaku apabila berlakunya kebakaran kerana alat-alat memadam api tidak berfungsi. Maka oleh yang demikian, pihak bomba bukan sahaja meluluskan plan fire-fighting sebelum sesebuah bangunan dibina, tetapi pihak bomba juga mesti memastikan apa-apa yang dipasang mesti diselenggarakan selalu. Sekiranya tuan punya tidak mematuhi syarat-syarat ini, tuan punya kilang atau bangunan mesti disalahkan dan dikenakan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, di tempat awam terutama sekali di kompleks membeli-belah atau lebih dikenali sebagai "supermarket", terdapat tangga-tangga kecemasan atau pintu-pintu keluar kecemasan penuh sesak dengan barang-barangan atau kotak-kotak yang kosong. Pintu kecemasan dan tangga kecemasan ini selalunya dijadikan stor untuk menyimpan

barang-barangan. Ini sangat merbahaya. Jika berlaku kebakaran, orang ramai tidak sempat melarikan diri.

Sprinkler system di setengah-setengah bangunan juga didapati tidak berfungsi. Yang teruk sekali ialah ada juga pemaju yang hanya menanam sprinkler head, tetapi tidak dipasang kepada saluran paip air atau motor pump. Ini hanya hendak mengelirukan pegawai bomba supaya bangunan boleh mendapat OC. Kepada tuan punya bangunan atau pemaju yang berbuat demikian, denda yang tinggi dan hukuman mesti dijalkan.

Selain daripada bangunan-bangunan, pihak bomba juga kena memastikan pili-pili bomba di tepi jalan mesti berfungsi. Selalunya terdapat anggota-anggota bomba tidak dapat memperolehi air dari pili-pili bomba oleh kerana valve atau penutupnya sudah berkarat atau tersumbat penuh dengan tanah dan lumpur. Ini menghalang kerja-kerja memadam api dalam masa yang singkat. Saya tidak tahu sama ada menjaga pili-pili bomba adalah tanggungjawab Pihak Bomba atau Pihak Berkuasa Air Negeri. Satu arahan yang jelas mesti diumumkan oleh Kerajaan supaya kedua-dua pihak ini tidak menolak tanggungjawab di antara satu sama lain.

Dalam hal pili-pili bomba, saya juga hendak merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan yang lebih diberi kepada Kerajaan Tempatan untuk membina lebih lagi pili-pili bomba di tempat-tempat yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, semangat anggota-anggota bomba melawan kebakaran sangatlah dikagumi dan patut dipuji. Walaupun ada semangat tetapi kalau alat-alat dan jentera-

jentera tidak mencukupi juga tidak boleh membawa hasil yang efektif dalam melawan kebakaran.

Di kawasan saya, Bagan, terdapat hanya sebuah snorkel. Snorkel ini adalah unggul di Seberang Perai, ia sangat uzur, mungkin ada 15 tahun lamanya. Pada satu ketika dalam satu kebakaran, ia dikejarkan kepada tempat kejadian tetapi sistem hidroliknya tidak boleh berfungsi apabila ia naik ke tengah-tengah udara, dua orang anggota bomba berdiri dalam bucket tersadai, tidak boleh turun dan tidak boleh naik. Akhirnya ia kena diturunkan dengan manual iaitu mengepamkan sistem hidroliknya dengan tangan.

Saya merayu kepada pihak Bomba supaya dapat memeriksa jentera-jentera ini dan jikalau didapati tidak sesuai, sebuah lagi snorkel mesti ditempatkan di Bagan. Selain dari itu, anggota-anggota Bomba bukan sahaja kena melawan kebakaran biasa, mereka kini kena menghadapi kebakaran minyak atau kimia. Di Seberang Perai terdapat banyak depot-depot minyak seperti Shell, Esso, Caltex dan PETRONAS yang menyimpan bermilion-milion gallon minyak. Terdapat juga kapal-kapal tangki minyak yang berlabuh di pelabuhan. Terdapat juga tangki-tangki yang mengandungi bahan-bahan kimia untuk kegunaan perindustrian. Maka segala persediaan mesti diatur supaya dapat menghadapi insiden-insiden yang tidak diingini ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Sukarela Bomba memainkan satu peranan yang penting dalam membanteras kebakaran, mereka boleh memberi pertolongan memadam api di peringkat yang awal tetapi mereka memerlukan pertolongan dari Kerajaan untuk melengkapkan alat-alat dan

jentera-jentera memadam api. Kini pertolongan dari Kerajaan adalah sangat terhad. Saya merayu setiap Pasukan Sukarela Bomba boleh dikaji dan ditinjau serta diberi pertolongan mengikut kesesuaian supaya mereka dapat dilengkapi dengan alat-alat untuk membanteras kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang yang sebenar. Fasal 5 Seksyen 35A(1) memperuntukkan tempoh bagi merayu hanya 10 hari. Saya merasa tempoh bagi merayu patut dipanjangkan kepada 30 hari supaya tuan punya bangunan dapat satu peluang yang adil untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Klang.

6.24 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan semasa Dewan membahaskan dan menimbang Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993.

Keseluruhan cadangan pindaan ini bermaksud baik, iaitu ke arah bermaksud baik, iaitu ke arah mempertingkatkan lagi perkhidmatan Bomba sejajar dengan perkembangan masa dan perkembangan yang berlaku di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti pindaan dan peruntukan baru 35A dan 35B dalam Fasal 5, Rang Undang-undang yang membekalkan kuasa kepada Ketua Pengarah melalui perintah mengarahkan pemunya atau penghuni premis menghentikan kegiatan yang menimbulkan bahaya kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini amat perlu kerana bukan sahaja Pihak Berkuasa Tempatan sahaja berkuasa memerintahkan supaya kegiatan dalam premis yang dianggap merbahaya dihentikan segera. Malah, kini pihak Bomba berkuasa memerintahkan kegiatan tersebut dihentikan. Kegiatan kelab disko, karaoke, kelab malam dan sebagainya yang memuatkan ramai pengunjung dalam sesuatu masa memang terbukti membahayakan nyawa manusia jika berlaku kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga perkhidmatan Bomba bantuan yang mana Menteri diberikan kuasa membuat peraturan mengawalselia penubuhan Pasukan Bomba Sukarela sebagai satu kelengkapan untuk menolong Pasukan Bomba tetap. Begitu juga peruntukan supaya mana-mana orang yang tidak boleh melakukan kutipan derma untuk kumpulanwang kebajikan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu.

Namun demikian, saya masih belum berpuas hati perkhidmatan Bomba yang berjalan sekarang kerana kelewatan Pasukan Bomba sampai ke tempat kebakaran apabila dipanggil. Apabila mereka sampai, sama ada kejadian kebakaran telah selesai ataupun api sedang marak, tambah mendukacitakan lagi apabila paip Bomba tidak ada di satu-satu kawasan atau terlalu jauh ataupun tekanan air rendah yang menyebabkan kerja-kerja memadam kebakaran menjadi bertambah sulit.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini berlaku kerana Pasukan Bomba jarang memberi servis kepada tiap-tiap Bomba, jarang menguji tekanan air pada satu-satu masa dan tempat. Semasa musim tidak ada berlaku kebakaran, mereka tidak rajin

membuat pemeriksaan tentang tekanan air dalam satu-satu kawasan. Kejadian mencuri air paip Bomba oleh orang ramai berlaku tanpa disedari oleh Pasukan Bomba sendiri kerana mereka tidak ada rondaan yang kerap. Maka adalah penting supaya Pasukan Bomba sentiasa kerap melakukan pemeriksaan. Projek paip Bomba dianggap sudah lama tidak didengar sama ada mendapat sambutan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menyebabkan Bomba lambat bertindak atau lewat sampai ialah banyaknya berlaku panggilan palsu. Langkah bomba menukarkan nombor kecemasan dari 999 ke 994 tidak dapat mengurangkan panggilan palsu. Cuma sejak akhir-akhir ini apabila pihak Bomba berserta Polis menjalankan kerja mengesan panggilan dengan menggunakan komputer, barulah masalah ini dapat dikurangkan sedikit. Tetapi saya tidak pasti bagaimana kerja-kerja mengesan ini boleh dilakukan dan sejauh mana pengesanan itu boleh dibuat sehingga membolehkan pihak Polis mendengar perbualan dan tahu identiti pemanggil, memerlukan pihak Kementerian memberikan penjelasan supaya orang ramai tidak diburu kebimbangan kerana dikhuatiri ianya disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu. Jika Polis sudah boleh mengenal pasti identiti panggilan, tidak ada sebab mengapa tidak boleh mendengar perbualan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, usaha Bomba untuk mendekati masyarakat dengan aspek keselamatan dan kebombaannya hendaklah dipertingkatkan. Jika mereka sudah didedahkan dengan aspek memadamkan kebakaran, sekurang-kurangnya kerja-kerja memadamkan kebakaran dapat dilakukan oleh anggota masyarakat. Pihak Bomba hendaklah mengatur pro-

gram latihan dan pertunjukan kepada orang ramai, terutama di kawasan yang padat dengan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi oleh orang ramai setiap kali kejadian kebakaran berlaku ialah laporan Bomba. Langkah pihak Bomba mengenakan caj yang mahal terhadap laporan kebakaran yang mereka keluarkan amatlah dikesali. Bukan semua orang mampu memberi laporan kebakaran kepada pihak Bomba, misalnya kebakaran berlaku di kawasan setingan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, boleh sambung esok, masa sudah habis untuk hari ini.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.